



Penyata Rasmi

**PERSIDANGAN DEWAN
NEGERI JOHOR**

**MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-13**

Pada
10 SEPTEMBER 2015

Disediakan oleh
**PEJABAT DEWAN NEGERI
JOHOR DARUL TA'ZIM**

MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-13

SENARAI KANDUNGAN

BIL.	PERKARA	MUKA SURAT
HARI KHAMIS, 10 SEPTEMBER 2015		
1.	Kehadiran.	1 - 5
2.	Doa.	6
3.	Pemasyhuran daripada Yang Berhormat Speaker	6
4.	Pembentangan Kertas-Kertas Mesyuarat	6 - 7
5.	Soalan-Soalan Lisan	7 - 25
6.	Rundingan-Rundingan	25
7.	Peranggaran Tambahan Pembangunan Pertama Tahun 2015	26 - 28
8.	Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan Tambahan (No.2) Tahun 2015	28 - 39
9.	Penangguhan	40
10.	Pegawai-Pegawai Bertugas	41 -42

~~~~~ Dewan Negeri Johor ~~~~~

PENYATA RASMI

MESYUARAT KEDUA  
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA  
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-13

HARI KHAMIS

10 SEPTEMBER 2015

BIL. 9 TAHUN 13

HADIR

YB Speaker,  
Tan Sri Haji Mohamad bin Haji Aziz, PSM., PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN., PPN.

YAB Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan dan  
Perancangan Negeri, Johor.

Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, SMJ., SPMJ., DSPN., SMJ., PIS.  
(Permas)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan  
Usahawan dan Koperasi Negeri, Johor.  
Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday, PSI.  
(Mahkota)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga  
dan Masyarakat Negeri, Johor.  
Puan Hajah Asiah binti Md. Ariff, AMN., PSI.  
(Johor Lama)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan  
Kepenggunaan Negeri, Johor.  
Datuk Tee Siew Kiong, DMSM., PSI, PSI  
(Pulai Sebatang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar  
dan Wilayah Negeri, Johor.  
Datuk Ir. Haji Hasni bin Haji Mohamad, PGDK., KMN., PIS., AMN., PSI.  
(Benut)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia Negeri, Johor.  
Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan, AMN., PSI.  
(Kahang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.  
Tuan Haji Abd. Mutalip bin Abd. Rahim, PIS., PSI.  
(Layang-Layang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan  
Kerajaan Tempatan Negeri, Johor.  
Datuk Abd. Latif bin Bandi, DPSM, DSM., PSI.  
(Endau)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.  
Tuan Haji Ismail bin Mohamed, PSI.  
(Bukit Serampang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan  
dan Warisan Negeri, Johor.  
Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan, DIMP., PJK., PSI., PSI.  
(Sri Medan)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri, Johor.  
Datuk Haji Ayub bin Rahmat, DPSM., AMN., PPN., PSI.  
(Kemelah)

YB Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.  
(Panti)

YB Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.  
(Tiram)

YB Datuk M. Asojan a/l Muniyandy, DPSM., AMN.  
(Gambir)

YB Encik Lau Chin Hoon  
(Pernanis)

YB Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali DMSM., KMN., PIS.  
(Semarang)

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.  
(Rengit)

YB Dato' Dr. Adham bin Baba, SIMP., DMSM.  
(Pasir Raja)

YB Datuk Dr. Shahrudin bin Md. Salleh, PJN.  
(Jarak)

YB Tuan Haji Rasman bin Ithnain  
(Sedili)

YB Datuk Haji Adam bin Sumiru, DPSM., KMN., AMN., PIS.  
(Tanjung Puteri)

YB Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim  
(Tenang)

YB Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar, PIS.  
(Machap)

YB Encik Mohd. Ismail bin Roslan, PPN.  
(Semerah)

YB Encik Teoh Yap Kun  
(Paloh)

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A. Rahman, DSNS.  
(Tanjung Surat)

YB Puan Zaiton binti Ismail, PIS., PPN.  
(Sungai Balang)

YB Encik Raven Kumar a/l Krishnasamy  
(Tenggaroh)

YB Tuan Haji A. Aziz bin Ismail, PIS.  
(Senggarang)

YB Dr. Haji Zaini bin Abu Bakar  
(Nusajaya)

YB Puan Norshida binti Ibrahim  
(Buloh Kasap)

YB Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat  
(Serom)

YB Dato' Haji Saipolbahari bin Haji Suib, DIMP., AMN., KMN., JMN.  
(Bukit Nanning)

YB Tuan Haji Suhaimi bin Salleh  
(Kukup)

YB Tuan Haji Ali Mazat bin Salleh  
(Bukit Permai)

YB Puan Sri Azizah binti Zakaria, PIS., PPN., AMN., KMN.  
(Parit Raja)

YB Datuk Tengku Putera Haron Aminurrashid bin Tan Sri Tengku Hamid Jumat  
(Kempas)

YB Dr. Boo Cheng Hau  
(Skudai)

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan  
(Parit Yaani)

YB Encik Tan Chen Choon  
(Jementah)

YB Encik Abdullah bin Husin  
(Puteri Wangsa)

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh  
(Sungai Abong)

YB Dr. Haji Mohamad bin Taslim  
(Maharani)

YB Encik Jimmy Puah Wee Tse  
(Bukit Batu)

YB Puan Gan Peck Cheng  
(Penggaram)

YB Encik Tan Hong Pin  
(Mengkibol)

YB Puan Chew Peck Choo  
(Yong Peng)

YB Encik Chen Kah Eng  
(Stulang)

YB Encik Lim Eng Guan  
(Bekok)

YB Encik Ee Chin Li  
(Tangkak)

YB Encik Chua Wee Beng  
(Bentayan)

YB Encik Yeo Tung Siong  
(Pekan Nenas)

YB Cik Liow Cai Tung  
(Johor Jaya)

YB Cik Wong Shu Qi  
(Senai)

YB Encik Cheo Yee How  
(Pengkalan Rinting)

**TURUT HADIR**

**(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN  
NEGERI JOHOR)**

YB Setiausaha Kerajaan Johor.  
Dato' Haji Ismail bin Karim, DMIJ., DPMJ., SMJ., PIS.

YB Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.  
Dato' Ishak bin Sahari, DPTJ., AMP., PSI.

YB Pegawai Kewangan Negeri Johor.  
Tuan Haji Mohd Nasir bin Abd. Salam, SMJ., PIS., PSI II.

**TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)**

YB Puan Hamimah binti Mansor,  
(Penawar)

**Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.**

**YB Tan Sri Speaker mengetuai Persidangan.**

**DOA.**

(Penolong Jurutulis membaca doa).

**Jurutulis : PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT TAN SRI SPEAKER.**

**YB Speaker :** Assalamualaikum warahmatullahi wabaratuhi. Bismillahirrahmannir rahim. (Bacaan Selawat). Selamat pagi, salam sejahtera dan Salam Muafakat Johor.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, pada pagi ini kita akan menyambung Mesyuarat Kedua Penggal Persidangan Ketiga Dewan Negeri Johor Yang Ketiga Belas.

Alhamdulillah, kita baru sahaja meraikan sambutan Hari Kebangsaan Ke-58 pada 31 Ogos 2015 yang lalu dan "Sehati Sejiwa" dipilih menjadi tema Hari Kebangsaan yang melambangkan kesepaduan, kekitaan, kesefahaman dan kemanusiaan bagi seluruh rakyat Malaysia tak kira di mana berada. Ianya turut membawa maksud bersama saling memahami dan bantu membantu antara satu sama lain.

Semoga kita semua dapat menghayati dan menerapkan nilai-nilai murni tersebut dalam diri kita sepanjang kita bersidang pada hari ini dan pada masa-masa yang akan datang.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, dukacita juga dimaklumkan bahawa Yang Berhormat Encik Low Teh Hian yang telah berkhidmat sebagai Ahli Dewan Negeri Kawasan Pengkalan Rinting mulai 25 April 1995 hingga 13 Februari 2008 telah meninggal dunia pada 12 Julai 2015 yang lalu.

Oleh yang demikian, Dewan ini merakamkan takziah kepada balu dan keluarga mendiang. Dan, marilah kita berdiri dan bertafakur sebagai menghormati khidmat beliau. (Dewan berdiri).

Terima kasih.

**Jurutulis : PEMBENTANGAN KERTAS-KERTAS MESYUARAT.**

**YAB Menteri Besar :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 13 hingga 16 Tahun 2015.

Kertas Mesyuarat Bilangan 13 Tahun 2015 – Anggaran Perbelanjaan Tambahan Kedua Tahun 2015.

Kertas Mesyuarat Bilangan 14 Tahun 2015 – Peranggaran Tambahan Pembangunan Pertama Tahun 2015.



Kertas Mesyuarat Bilangan 15 Tahun 2015 – Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2014 dan Penyata Memorandum mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Johor Siri 1 Tahun 2014.

Kertas Mesyuarat Bilangan 16 Tahun 2015 – Laporan Tahunan Johor Corporation Bagi Tahun 2014.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 17 Tahun 2015.

Kertas Mesyuarat Bilangan 17 Tahun 2015 – Penyata Kewangan Perbadanan Taman Negara Johor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014.

**YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 18 Tahun 2015.

Kertas Mesyuarat Bilangan 18 Tahun 2015 – Penyata Jawatankuasa Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Negeri Johor Bil. 1 Tahun 2015.

**Jurutulis : SOALAN-SOALAN LISAN.**

**YB Speaker :** Yang Berhormat Stulang, jemput.

**YB Encik Chen Kah Eng (Stulang) :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Soalan saya nombor satu dan soalan saya nombor dua.

Berkenaan dengan Iskandar Malaysia, sasaran pelaburan terkumpul adalah sebanyak RM383 bilion menjelang 2025. Setelah 10 tahun berlalu, senaraikan pencapaian yang dianggap membanggakan dan adakah Menteri Besar mempunyai keyakinan untuk mencapai matlamat pelaburan tersebut menjelang 2025?

Berkenaan dengan Iskandar Malaysia, apakah langkah yang diambil atau sebagai alternatif untuk merencanakan aktiviti perdagangan antarabangsa di Johor memandangkan UEM Sunrise telah membatalkan projek Asian Trade Center di Gerbang Nusajaya?

**YB Tan Sri Speaker :** Jemput.

**YAB Menteri Besar :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon izin untuk menjawab soalan yang pertama dan kedua yang kedua-duanya datang daripada Yang Berhormat Stulang secara bersekali. Terima kasih.

**YB Speaker :** Jemput.

**YAB Menteri Besar :** Yang Berhormat Stulang telah bertanya sama ada Kerajaan mempunyai keyakinan untuk mencapai matlamat sasaran pelaburan Iskandar Malaysia sebanyak RM383 bilion menjelang 2025 dan pencapaian yang dianggap membanggakan selepas 10 tahun pelaksanaan Iskandar Malaysia.

Untuk makluman Yang Berhormat Stulang dan Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini, Iskandar dan pembangunannya sebagai sebuah wilayah pembangunan adalah sebuah koridor pembangunan paling berjaya di Malaysia. Saya nyatakan demikian kerana :

1. Jumlah pelaburan terkumpul bagi Wilayah Iskandar setakat Jun 2015 adalah RM172.51 bilion. Berbanding dengan jumlah pelaburan terkumpul pada tahun 2006 yang hanya berjumlah RM11.30 bilion. Peningkatan ini adalah amat besar dan memberangsangkan. Melihat kepada tren pelaburan yang konsisten dan disokong dengan iklim pelaburan yang sihat, maka sasaran yang telah ditetapkan pada tahun 2025 adalah sesuatu yang munasabah, realistik dan boleh dicapai.
2. Iskandar juga telah menyebabkan Negeri Johor mencatatkan jumlah pelaburan paling besar di negara ini, jauh mengatasi negeri-negeri lain seperti Melaka, Sarawak dan Pulau Pinang. Ini kerana Iskandar adalah wilayah pembangunan yang terancang. Kita bukan sekadar mempunyai pelan pertumbuhan yang komprehensif tetapi mempunyai badan berkuasa yang profesional, telus serta kompeten. IRDA telah berjaya memposisikan Iskandar sebagai wilayah pembangunan moden, terancang dengan baik dan lestari.

Berkaitan dengan pencapaian besar Iskandar semenjak 10 tahun lepas, sukacita saya maklumkan bahawa Iskandar telah melonjakkan kedudukan Johor sebagai destinasi pelaburan paling kompetitif di Malaysia. Johor bukan lagi *The Backyard of Singapura, of Singapore* dengan izin. Itu semua telah berakhir. Johor adalah destinasi pelaburan paling dinamik di Malaysia. Bukan sahaja dari segi jumlah pelaburan terkumpul tetapi kualiti pelaburan. Malah Iskandar telah menjadi *catalyst* untuk Johor bergerak menjadi *The New Imaging Economic Power House* dengan izin, di Malaysia.

Limpahan pembangunan Iskandar telah menyaksikan Johor mencatatkan jumlah pengangguran paling rendah di Malaysia. Pengurangan kadar kemiskinan paling drastik di Malaysia dan peningkatan kewujudan pekerjaan paling dinamik di Malaysia. Semua terangkum dalam pelbagai laporan ekonomi yang diterbitkan secara rasmi oleh pelbagai agensi pusat dan persendirian.

Malah daripada aspek peningkatan jumlah penduduk, pertambahan dari 1.34 juta pada tahun 2005 kepada 1.81 juta pendudukan pada tahun 2013, merupakan satu petunjuk yang sihat bahawa Iskandar sedang sangat pesat membangun. Begitu juga dengan purata pendapatan yang turut meningkat dari RM3,835.00 pada tahun 2009 kepada RM4,460.00 pada tahun 2012.

3. Iskandar bukan sedar menyaksikan pembukaan projek-projek strategik dan berimpak tinggi seperti Legoland, Johor Premium Outlets, Pinewood Iskandar Malaysia Studios dan Educity. Iskandar juga adalah pemangkin kepada pembangunan potensi dan bakat paling menyerlah di Malaysia. Lihat saja

jumlah universiti asing yang beroperasi dalam kawasan Iskandar. Nama-nama besar universiti global seperti Newcastle, Reading, Monash dan pelbagai lagi.

Malah Iskandar juga telah menyebabkan Kerajaan Negeri Johor memposisikan dirinya untuk menjadi *The Global Skill Hub* untuk rantau ini. Dan kita telah memulakan langkah awal ke arah itu dengan mewujudkan *Johor Skill Hub* agar segala potensi rakyat Johor dapat dibangunkan. Dan dibangunkan dengan bukan sahaja melalui pendidikan bermutu tetapi juga dengan pendidikan yang berorientasikan kemahiran.

4. Iskandar bukan sekadar wilayah pembangunan ekonomi yang menyandarkan kejayaannya hanya kepada jumlah pelaburan dan pertumbuhan ekonomi. Iskandar dirancang untuk pembangunan, perbandaran yang seimbang, lestari dan berkesejahteraan. Terdapat pelbagai inisiatif IRDA dalam membangunkan Iskandar yang lestari, inisiatif yang lestari, inisiatif alam sekitarnya, inisiatif komunitinya, inisiatif keselamatan lingkungannya, inisiatif kemudahan awamnya, semua dirancang dengan baik, teratur dan strategik. Lebih membanggakan, Iskandar Malaysia adalah salah satu daripada 10 bandar di bawah projek United Nation Sustainable Energy For All yang menasaskan 3 objektif utama iaitu kecekapan tenaga, tenaga boleh diperbaharui dan capaian tenaga yang universal.
5. Iskandar juga telah menjadikan Johor Bahru mula muncul sebagai sebuah metropolis yang pening di Malaysia dan Rantau Asia Tenggara. Johor Bahru secara pasti akan menjadi kelompok kedua untuk Malaysia, bandar raya pintar, metropolis moden dan lestari. Dengan pembangunan pesat persekitarannya, dengan kedudukannya yang sangat strategik, bersebelahan dengan Singapura dan dengan rangkaian sistem perhubungan yang antara lain menyaksikan pelaksanaan projek *Malaysia – Singapore High Speed Train* akan menjadi jauh hari selatan. Kesemua ini bukan hanya memberi impak kepada pertumbuhan ekonomi, membuka peluang pekerjaan dan perniagaan kepada masyarakat tempatan tetapi yang lebih penting menjadikan Johor dan masyarakatnya maju dalam ekonomi yang berkesejahteraan.
6. Iskandar adalah model kerjasama Kerajaan Negeri dan Persekutuan yang *ideal*, kedua-dua pihak saling mendukung, saling bekerjasama erat. Penyelesaian semua masalah difikirkan secara kolektif dan segala perancangan dibincangkan dengan mendalam antara kedua-dua Kerajaan. Ini adalah contoh bagaimana kerjasama Kerajaan Negeri dan Persekutuan dilakukan dengan mengiktiraf hak dan kepentingan masing-masing; terakhir
7. Iskandar telah mewujudkan apa yang saya panggil *the sense of security*, dengan izin. Limpahan pembangunan Iskandar telah diterjemahkan dengan kewujudan pelbagai peluang ekonomi dan pekerjaan yang akhirnya mewujudkan masyarakat yang boleh mencari rezeki dengan aman dan damai, ada pendapatan, ada kemampuan untuk memiliki rumah dan peluang untuk menjalani kehidupan yang bermaruah.

Daripada petunjuk-petunjuk yang positif ini, saya percaya sasaran pelaburan sebanyak RM383 bilion akan tercapai menjelang tahun 2025.

Keduanya, Yang Berhormat Stulang bertanya tentang langkah yang diambil untuk merencanakan aktiviti perdagangan antarabangsa di Johor khususnya di Iskandar memandangkan UEM Sunrise telah membatalkan projek Asian Trade Centre di gerbang Nusajaya.

Saya ingin menyatakan bahawa keputusan UEM Sunrise membatalkan projek tersebut adalah satu keputusan komersil. Keputusan yang dibuat berdasarkan kepentingan komersil, sesuai kemampuan syarikat untuk merealisasikannya dengan sumber dan keupayaan yang ada. Ia tidak sama sekali dibuat kerana ketidakyakinan UEM Sunrise terhadap potensi Iskandar. Malah jauh sekali kerana UEM Sunrise kebolehsaingan Iskandar sebagai sebuah wilayah pelaburan. Malah projek tersebut bukan sebuah projek yang telah bermula dan berjalan. Sebaliknya ia adalah projek yang belum bermula dan masih di peringkat perancangan. Dan, kita juga harus tidak lupa bahawa UEM Sunrise juga mempunyai banyak projek lain di Iskandar yang berjalan dengan baik.

Jadi saya yakin bahawa keputusan UEM Sunrise itu adalah kerana syarikat ingin memberikan fokus kepada beberapa projek berkepentingan utama mereka yang sedang berjalan. Dan, oleh kerana lokasi projek berkenaan yang strategik, maka IRDA dijangka tidak akan menghadapi apa jua masalah untuk mendapat perhatian daripada para pelabur yang lain bagi membangunkan projek yang baru.

**YB Speaker :** Jemput Stulang.

**YB Encik Chen Kah Eng (Stulang) :** Terima kasih Tan Sri Speaker dan terima kasih kepada Menteri Besar yang memberikan jawapan yang begitu panjang sekali dan di sini ada 2 perkara iaitu berkenaan dengan ASEAN Trade Centre dan juga Iskandar Malaysia. Jadi, berkenaan dengan ASEAN Trade Centre yang telah dibatalkan oleh UEM Sunrise kerana telah disentuh oleh Menteri Besar juga ada mengatakan bahawa *high speed rail* akan dibina di Malaysia. Jadi kegiatan perniagaan yang rancak perlu dipacu untuk memastikan pertumbuhan ekonomi yang positif. Jadi kegagalan dan kejayaan *high speed rail* sebenarnya bergantung kepada bilangan aliran orang yang mencukupi untuk menampung permintaan untuk stesen terminal *high speed rail* di Nusajaya yang berkemungkinan terletak di Nusajaya.

Jadi saya mencadangkan di sini bahawa ASEAN Trade Centre ini merupakan salah satu kriteria kejayaan *high speed rail* di Nusajaya. Jadi saya menyeru kepada IRDA dan UPEN untuk sedaya upaya untuk mencari pelabur agar Asian Trade Centre ini boleh direalisasikan semasa *high speed rail* direalisasikan.

Isu yang kedua adalah berkenaan dengan IRDA yang di mana setelah 10 tahun bertalu dan pelaburan komited adalah RM172.5 bilion yang direalisasikan adalah RM87 bilion. Jadi adakah IRDA mempunyai strategi

rombakan dari segi 9 sektor yang dititikberatkan ataupun IRDA mempunyai rancangan untuk menambah sektor tumpuan yang digalakkan agar pelaburan boleh dipertingkatkan kerana setelah 10 tahun baru tak sampai satu suku dari segi peratus kalau kita kira dari segi pelaburan yang direalisasikan.

Dan akhir sekali di sini saya nak cadangkan sesuatu kepada UPEN dan IRDA, berkenaan dengan IRDA yang di mana sejajar dengan implementasi zon antarabangsa yang dicadangkan di KPSJ - Koridor Pembangunan Selat Johor di mana saya cadangkan agar sejajar dengan tema antarabangsa dan zon antarabangsa, kita boleh wujudkan hotel yang bertaraf antarabangsa. Maksudnya setiap hotel adalah direka bentuk dengan tema unik yang mewakili setiap negara antarabangsa. Kita boleh ada hotel bertemakan Jepun satu, bertemakan China, Indonesia, India, USA, Itali satu. Maksudnya orang yang menduduki hotel tersebut akan berasa seperti berada di negara mereka. Justeru itu ia juga boleh menjadi satu tarikan pelancong. Jadi ini merupakan soalan saya dan cadangan saya. Terima kasih.

**YB Speaker :** Ok, jemput.

**YAB Menteri Besar :** Terima kasih Yang Berhormat Stulang. Yang Berhormat Tan Sri Speaker dia banyak beri cadangan, dia bukan soal. Jadi kita terima baik cadangan-cadangan itu sama ada dari segi soal bagaimana perlu diteruskan projek ASEAN, apa itu yang nak dibuat oleh UEM Sunrise, ASEAN Trade Centre dari segi soal bagaimana nak galakkan lebih ramai pengguna-pengguna *high speed rail*, mahupun dari segi soal apa yang perlu dibuat dalam zon antarabangsa pembinaan hotel dan sebagainya. Itu kita sambut baik, kita memang terima cadangan-cadangan yang baik.

Dari segi soal pelaburan yang direalisasikan dengan pelaburan yang telah dimaklumkan memanglah kalau hendak dikirakan untuk mana-mana pengumuman bagi satu-satu pelaburan ia akan mengambil masa untuk direalisasikan. Jadi, kalau hendak kita bandingkan pelaburan yang komited di Negeri Johor khususnya di Iskandar dengan di tempat-tempat yang lain kita dapati bahawa tahap kadar realisasi itu lebih tinggi dan saya yakin berasaskan kepada apa yang kita lihat hari ini seperti yang telah saya nyatakan tadi, kita yakin bahawa akan dipenuhi ataupun akan direalisasikan sepenuhnya apa yang telah diumumkan pelaburan-pelaburan tersebut.

Dan sudah tentulah dalam usaha kita untuk menarik terus pelaburan, kita akan sentiasa mengkaji sama ada kita perlu membuat pindaan kepada fokus-fokus pelaburan yang hendak kita bawa. Tapi yang penting ialah apa sahaja pelaburan yang hendak kita bawa ke negeri kita, ataupun sektor yang hendak kita bangunkan ia mesti selari dengan kehendak dan keperluan negeri khususnya dan negara kita.

**YB Speaker :** Skudai.

**YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** Terima kasih Tan Sri Speaker. Soalan saya adalah tadi seperti disebut oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar bahawa *high speed rail* akan, salah satu projek akan dijalankan: Tapi saya nak memohon pandangan dan juga pihak kerajaan negeri dan juga Yang Amat Menteri Besar, bahawa sama ada *RAPID Transit System* iaitu satu sistem kereta api di antara Singapura, Woodlands dan Johor Bahru lebih praktikal, kalau berbanding dengan *high speed rail* di antara Johor Bahru dan Kuala Lumpur. Sebagaimana kita nak menarik pelaburan daripada bukan sahaja Singapura tapi lain negara melalui Singapura sebagai satu hub pelaburan ke Iskandar Malaysia. Pada pandangan Yang Amat Berhormat Menteri Besar adakah RTS (*RAPID System*) itu lebih praktikal atau lebih mendesak kalau berbanding dengan *high speed rail*?

**YAB Menteri Besar :** Kita kerajaan Barisan Nasional kita fikir lagi jauh, kita dua-dua akan buat. (Dewan bertepuk). Jadi tak ada alternatif dan soalnya adalah sekarang ini.

**YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** Tapi nampak telah dihebah-hebahkan

**YAB Menteri Besar :** Tunggu, tunggu saya jawab. Kedua-duanya sedang di bincang di peringkat oleh kerana ia melibatkan dua negara yang berasingan. Dan mengikut jangkaannya kemungkinan *high speed rail* mungkin akan siap 2025, lambat lagi. Manakala RTS itu akan dimulakan dahulu. Dan memang benar, RTS untuk menghubungkan dan memudahkan perjalanan antara rakyat kedua-dua negara, manakala *high speed rail* ia lebih untuk memberi perkhidmatan sehinggalah ke Kuala Lumpur dan seterusnya. Jadi kita kerajaan Barisan Nasional bagaimana kita buat pembangunan yang lain, kita pasti boleh merealisasikan juga yang dua ni, dengan syarat kita kekal. (Dewan bertepuk).

**YB Speaker :** Ok, Kempas ke apa ni, kita belum kenal pasti lagi. Ok, Parit Yaani.

**YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani) :** Dia sebut Parit Yaani. Tan Sri Speaker, apa yang telah diperkatakan penjelasan daripada Yang Amat Berhormat, tahniah kepada pencapaian yang membanggakan negeri Johor. Kita menyanjung tinggi usaha yang telah dilaksanakan tetapi apabila kita melihat tentang kejatuhan nilai ringgit yang mengakibatkan pembelajaran khususnya kepada anak-anak bangsa Johor terjejas. Kalau kerajaan di peringkat pusat pun mungkin mengurangkan penghantaran anak-anak ke luar negara, mengapa tidak kita usahakan dan apakah usaha bagi kerajaan Johor yang mana antara projek impak tingginya seperti pendidikan, beberapa pusat pengajian tinggi luar negara yang telah beroperasi di Nusajaya. Kita minta adakah usaha kerajaan meminta kepada universiti yang berkenaan kuota kepada warga Johor boleh masuk ke sana dengan diskaun yang baik, sebab dia telah menggunakan ruang udara, tanah, air Johor ini. Terima kasih.

**YAB Menteri Besar :** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya berasaskan kepada pengalaman saya dulu berkhidmat sebagai Menteri Pengajian Tinggi, penyediaan pengajian tinggi melibatkan sebenarnya kos yang tinggi. Kerana kalau kita hendak peluang untuk mendapat pendidikan yang baik kita tentunya perlu menyediakan dan memberi kemudahan baik. Apatah lagi kita perlu membayar, menggajikan tenaga pengajar yang baik dan sudah tentulah ia melibatkan kos yang tinggi. Dan sebagai satu institusi pengajian tinggi satu perkara yang mungkin tak dapat dilihat manfaat secara langsung ialah ia juga perlu belanja untuk melakukan penyelidikan, kerana hanya melalui penyelidikan kita akan dapat meneroka ilmu-ilmu baru, membongkar ilmu baru.

Dan bila sesebuah institusi pengajian tinggi dapat melakukan itu, maka ia akan meningkatkan reputasinya. Dan bagi sesebuah institusi pengajian tinggi reputasi itu sangat penting. Dan atas sebab itulah ia ada kos, sebab itulah ia mahal, bukan kerana dia terletak di sini dia suka-suka nak charge harga yang mahal. Tapi dari segi soal sama ada kita beri peluang kepada rakyat kita saya percaya kita tahu kerajaan Barisan Nasional kita memperuntukkan banyak bantuan, memberi peluang kepada rakyat kita, untuk dapat mengikuti pengajian di institusi pengajian tinggi di mana-mana termasuklah yang terdapat di Iskandar, ada.

Jadi soalnya ialah walaupun mungkin mahal tetapi kerajaan menyediakan dan membiayai mereka yang dapat masuk ke situ. Kalau kita lihat memang ada. Hanya mungkin kita di Johor kita belum lagi, sebab kita tahu bahawa tanggungjawab untuk membiayai itu kita hanya melengkapkan kerajaan pusat. Tapi insya-Allah kalau kerajaan ini terus kekal kita punya hasil banyak, kita ada surplus, tak ada sesiapa ganggu, pembangkang semua tak menyusahkan kita, mungkin kita akan membiayai pelajar-pelajar kita yang masuk ke situ. (Dewan bertepuk).

**YB Speaker:** Terima kasih. Yang Berhormat Nusajaya, jemput.

**YB Dr. Haji Zaini bin Abu Bakar (Nusajaya) :** Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Soalan saya soalan nombor 3.

Keciciran dikaitkan dengan pelajar yang tidak berkebolehan mengikut aliran perdana. Hanya beberapa sekolah yang menawarkan program Pendidikan Asas Vokasional di Tingkatan Satu. Apakah rancangan kerajaan bagi mengalirkan pelajar begini ke dalam pendidikan kerjaya dan vokasional.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi :** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Selamat pagi, salam Muafakat Johor. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Yang Berhormat Nusajaya ada menimbulkan soal keciciran yang dikaitkan dengan pelajar-pelajar yang tidak berkebolehan untuk mengikut aliran perdana dan juga apakah rancangan kerajaan bagi mengalirkan pelajar-pelajar begini ke dalam sistem pendidikan yang sedia ada. Keciciran murid dalam pendidikan

bukan hanya pelajar yang tidak boleh mengikuti aliran perdana tapi juga disebabkan oleh faktor-faktor lain seperti faktor kewangan keluarga, lokasi penempatan sekolah dan lain-lain.

Bagi negeri Johor pada tahun 2015, terdapat 3.52% atau 1,825 murid tahun 6 yang tidak melanjutkan pelajaran ke sekolah menengah kerajaan di tingkatan 1 ataupun kelas peralihan. Sebahagian daripada murid-murid ini juga ada yang menyambung pelajaran di sekolah-sekolah swasta. Dan ini bermakna peratus keciciran sebenarnya adalah lebih kecil daripada jumlah 3.52% seperti mana yang saya nyatakan tadi.

Bidang pendidikan teknik dan vokasional merupakan satu usaha Kementerian Pendidikan Malaysia untuk membantu murid-murid yang tidak berkebolehan bagi mengikuti aliran perdana dan terdapat beberapa program di bawah kelolaan kementerian. Antaranya pendidikan asas vokasional, program vokasional menengah atas dan juga kolej vokasional. Pada masa yang sama kolaborasi dengan institusi-institusi kemahiran juga dilaksanakan untuk menampung keperluan bagi membimbing murid-murid kumpulan ini.

Pendidikan asas vokasional yang dibangkitkan oleh Nusajaya dilaksanakan di peringkat menengah rendah iaitu dari tingkatan 1 sehingga tingkatan 3, yang bertujuan memberi pilihan kepada murid yang cenderung kepada bidang vokasional serta tidak mendapat kelulusan yang baik dalam UPSR. Pendidikan asas vokasional ini akan menghasilkan murid-murid yang berkemahiran vokasional dengan kelayakan Sijil Kemahiran 1 dan juga Sijil Kemahiran Malaysia 2.

Di negeri Johor, sekolah-sekolah yang telah menawarkan Pendidikan Asas Vokasional ini ialah:-

1. Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Menteri, Batu Pahat dalam bidang pembuatan perabot.
2. Sekolah Menengah Kebangsaan Anjung Batu, Mersing dalam bidang penyediaan makanan.
3. Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Abdul Rahman Yassin, Johor Bahru dalam bidang penyediaan makanan.
4. Sekolah Menengah Kebangsaan Tunku Aris Bendahara, Kluang dalam bidang membuat pakaian.
5. Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Easter, Kota Tinggi dalam bidang pendawaian elektrik.
6. Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Putri, Kulai dalam bidang kecantikan.

Pelajar-pelajar yang mengikuti Pendidikan Asas Vokasional menggunakan modul yang berbeza berbanding dengan pelajar-pelajar aliran perdana dengan mempelajari sukatan pelajaran yang lebih mudah. Mereka mempelajari 3 komponen subjek iaitu komponen yang pertama terdiri dari Bahasa Malaysia Komunikasi, Bahasa Inggeris Komunikasi, Agama Islam ataupun Pendidikan Moral, Sejarah dan Patriotisme. Komponen kedua, subjek Pra Vokasional iaitu fokus kepada Kemahiran Asas



Vokasional. Komponen ketiga, subjek Teknik Vokasional iaitu melibatkan Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Sains dan juga Matematik.

Semasa di Tingkatan 2, pelajar-pelajar Pendidikan Asas Vokasional ini akan menduduki peperiksaan untuk memperolehi Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 1. Apabila pelajar ini berada di Tingkatan 3, mereka tidak akan menduduki peperiksaan PT3 sebagaimana pelajar aliran perdana yang lain. Tapi, pelajar-pelajar ini akan menduduki Peperiksaan Sijil Kemahiran Tahap 1, sekiranya tidak lulus semasa Tingkatan 2. Atau kalau mereka lulus Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 1, semasa Tingkatan 2, semasa Tingkatan 3, mereka akan diuji dengan Sijil Kemahiran Tahap 2. Dengan syarat minimum iaitu memperolehi Sijil Kemahiran Tahap 1, pelajar-pelajar ini boleh menyambung pelajaran ke Kolej Vokasional bagi mendapatkan Sijil Kemahiran Tahap 3. Maknanya, kalau pelajar-pelajar ini lepas Tingkatan 3, dia cuma ada Sijil Kemahiran Tahap 1 maka dia kena buat di Kolej Vokasional selama 3 tahun untuk lengkapkan sehingga mereka dapat Sijil Kemahiran Tahap 3.

**YB Speaker :** YB Nusajaya, jemput.

**YB Dr. Haji Zaini bin Abu Bakar (Nusajaya) :** Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker dan terima kasih kepada Yang Berhormat EXCO. Saya berpendapat yang pelajar-pelajar ini kalau boleh daripada peringkat rendahnya pun diberi peluang dari segi kemahiran pertukangan, *repair-repair* komputer dan sebagainya. Yang mana, kita lihat anak-anak Tingkatan 1 kadang pencapaian akademiknya tidak berapa, tapi dia berminat nak *repair* dan sebagainya, tapi peluangnya diberikan selepas Tingkatan 3, itu pun kalau akademiknya bagus. Jadi, apa ada, soalan saya, adakah perancangan Kementerian Kesihatan di sekolah-sekolah yang biasa ni, Sekolah Menengah Kebangsaan, yang satu ketika dulu ada satu kelas untuk diberikan kelas pertukangan dan sebagainya supaya pelajar-pelajarnya bila sampai Tingkatan 3 pun dia dah lebih-lebih, lebih mahir, yang kedua, mungkin membantu dia minat untuk lepas sekolah nanti. Terima kasih.

**YB Speaker :** Jemput.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya tadi terangkan tentang pelajar-pelajar yang disebut dalam kategori tercicir ini. Makna yang tak dapat keputusan yang baik dalam UPSR, makna dia ada Pendidikan Asas Vokasional. Yang mana dalam Pendidikan Asas Vokasional ini lepas Tingkatan 3, dia sekurang-kurangnya dia akan dapat Sijil Kemahiran Tahap 1.

Untuk pelajar-pelajar yang lepasan Tingkatan 3, yang minat dalam bidang Kemahiran Vokasional ini mereka sebenarnya boleh masuk ke Kolej Vokasional. Kolej Vokasional ini ada 2 aliran, untuk pelajar-pelajar yang kategori 1, yang tercicir tadi dia masuk Kolej Vokasional kalau dia masuk dengan Sijil Kemahiran 2, dia akan masuk ke Kolej Vokasional untuk menghabiskan Sijil Kemahiran Tahap 3, selama 2 tahun. Tapi, kalau dia masuk dengan Sijil Kemahiran Tahap 1, dia kena tambah lagi setahun sebab dia kena buat Sijil Kemahiran Tahap 2 dulu. Tetapi untuk pelajar-pelajar daripada Tingkatan 3 yang mengambil PT3, mereka juga berpeluang untuk masuk ke Kolej

Vokasional ini untuk dapatkan kemahiran dengan kelayakan sekurang-kurangnya semua subjek PT3 ni, dia dapat C. Iaitu dalam keadaan sekarang, sebenarnya yang masuk, yang mohon, itu pun ada keputusan yang baik pun, kemudian dia minat, maka dia masuk, mohon juga.

Untuk pelajar-pelajar yang daripada PT3 ini semasa di Kolej Vokasional ini untuk tahun 1 dan tahun 2, mereka akan dinilai semasa tahun 2 ini dengan Sijil Vokasional Malaysia. Bila dapat Sijil Vokasional Malaysia dengan CGPA dia 2.0, dia boleh sambung untuk lagi 2 tahun dan layak untuk mendapat Diploma yang ditawarkan oleh Kolej Vokasional ini. Makna, dia lebih muda untuk dapat Diploma Kemahiran.

**YB Speaker :** Yong Peng.

**YB Puan Chew Peck Choo (Yong Peng) :** Terima kasih Tan Sri Speaker. Satu kemalangan yang berlaku beberapa hari lepas yang melibatkan mat rempit yang terlanggar pegawai polis sehingga maut di kawasan Kluang.

**YB Speaker :** Jangan lain soalan ya.

**YB Puan Chew Peck Choo (Yong Peng) :** Ini tentang pelajaran, pelajaran, pendidikan. Ya, boleh dikatakan mat rempit ini adalah golongan yang tidak berminat dalam pelajaran perdana. Boleh tanya, apakah kerajaan supaya boleh mengelakkan tragedi seperti ini berlaku?

**YB Speaker :** Yang Berhormat ini vokasional punya TKK ni, tapi oklah kalau nak jawab, boleh jawab.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan ini tak ada kena mengena dengan kemahiran vokasional.

**YB Speaker :** Vokasional.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi :** Tapi mungkin Yong Peng boleh galakkan pelajar-pelajar ini untuk masuk ke bidang vokasional, kalau mereka tak dapat keputusan yang baik dalam UPSR, suruh dia masuk Pendidikan Asas Vokasional ini.

**YB Speaker :** Ok, Yang Berhormat.

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, pelajar-pelajar yang tercicir ini dia seharusnya dia nampak satu aset bagi kita. Maka selain daripada apa tu, pendidikan arus perdana dan juga arus apa tu, aliran vokasional. Sebenarnya, mungkin juga pelajar-pelajar yang tersebut ini mereka ada bakat-bakat yang lain. Maka, soalan saya ialah adakah pihak kerajaan mempunyai usaha-usaha atau langkah-langkah untuk membantu pelajar-pelajar ini supaya mencungkil bakat-bakat mereka dalam bidang-bidang lain seperti kesenian atau kebudayaan selain daripada aliran vokasional?

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker.

**YB Speaker :** Bidang lain pula. Ok, jemput.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi :** Dia sebenarnya bukan apa, Mengkibol ini dah lama dia tak bercakap dengan saya, jadi dia sahaja nak tanya soalan. (Dewan ketawa). Kita bincang tentang kemahiran eh, Mengkibol sebutkan tentang kebudayaan tadi kan. Kita di Johor ni kita ada Sekolah Seni di Johor Bahru juga yang memberi peluang. Maknanya, di peringkat sekolah menengah ni kita sebenarnya, kita buka apa pun saja bakat yang ada pada anak-anak kita dan di peringkat vokasional ini pun tadi saya terangkan ada beberapa bidang-bidang yang tertentu tapi dalam masa yang sama peringkat Kementerian sedang juga menyediakan lagi cadangan-cadangan untuk membuka lebih luas lagi kemahiran-kemahiran yang ada, yang diminati oleh anak muda ni.

**YB Speaker :** Terima kasih. Yang Berhormat Kempas, jemput.

**YB Datuk Tengku Putra Haron Aminurrashid bin Tan Sri Tengku Hamid Jumat (Kempas) :** Assalamuallaikum.

**YB Speaker :** Waalaikumsalam.

**YB Datuk Tengku Putra Haron Aminurrashid bin Tan Sri Tengku Hamid Jumat (Kempas) :** Tan Sri Speaker, soalan saya soalan nombor 4.

Soalan ditujukan kepada pihak kerajaan tempatan di mana aduan-aduan masyarakat yang bersifat teknikal seperti isu-isu pemuliharaan kemudahan mengambil masa yang panjang untuk dikendalikan.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan :** Assalamuallaikum warahmatullahi wabarokatuh, Salam Muafakat Johor. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, bagi menjawab soalan daripada ADUN Kempas, proses pengurusan aduan awam di Majlis Bandaraya Johor Bahru adalah MBBJ adalah pihak urusetia akan merekod. Pihak urusetia akan merekodkan aduan yang diterima dari berbagai saluran ke sistem e-Aduan MBBJ. Aduan akan disalurkan ke jabatan pelaksana di MBBJ dan siasatan di tapak akan bermula dalam tempoh 3 hari. Terdapat 3 jenis peringkat pembaikan aduan mengikut kategori iaitu serta merta, sederhana dan jangka masa 3 bulan dan ke atas.

Kategori aduan serta merta boleh diambil tindakan segera iaitu seperti pokok tumbang, lampu isyarat rosak dan lampu jalan tidak berfungsi. Kategori aduan sederhana adalah tindakan yang mengambil masa dalam tempoh 1 hingga 2 bulan seperti jalan berlubang, tebang dan cantas pokok, anjing liar dan lain-lain. Manakala aduan yang bersifat teknikal ialah aduan yang kebanyakannya mengambil masa yang agak panjang. Sekiranya aduan berkaitan kemudahan yang hanya melibatkan kerja-kerja baik pulih dan melibatkan kos di bawah RM20,000.00 akan mengambil masa

2 minggu untuk keseluruhan tindakan. Bagi kerja-kerja yang diambil adalah dalam tempoh sebulan walaupun kerja-kerja pembaikan sementara ataupun pembaikan jangka pendek akan diambil oleh Unit Tindakan Cepat (UTC) MBBJ.

**YB Speaker :** Jemput.

**YB Datuk Tengku Putra Haron Aminurrashid bin Tan Sri Tengku Hamid Jumat (Kempas) :** Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terima kasih juga kepada Pengerusi Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan pihak Majlis kerana majoriti dari aduan dapat diatasi selama ini. Namun demikian, harap pihak berkenaan dapat ambil maklum bahawa satu aduan yang mungkin terlepas pandang, Yang Berhormat Tan Sri. Iaitu aduan, kalau boleh ambil catitan eh. Aduan nombor 2015/0520/180/303 yang bertarikh 20 Mei 2015, yang masih belum ada tindakan setelah lebih 120 hari. Saya bersangka baik mungkin kerana terlepas pandang, saya harap dapat diambil tindakan secepat yang mungkin, itu untuk makluman ya, Tan Sri Speaker. Soalan tambahan saya.

**YB Speaker :** Tadi dah soal, lepas tu kenapa tambah lagi.

**YB Datuk Tengku Putra Haron Aminurrashid bin Tan Sri Tengku Hamid Jumat (Kempas) :** Itu makluman yang tentang aduan yang masih belum diambil tindakan.

**YB Speaker :** Ok, ok.

**YB Datuk Tengku Putra Haron Aminurrashid bin Tan Sri Tengku Hamid Jumat (Kempas) :** Kalau diizinkan, boleh. Jadi, soalan tambahan saya dari tahun 2014, Yang Berhormat Tan Sri, berapa banyak aduan diterima oleh MBBJ dan apakah kategori-kategori aduan ini. Dalam jumlah tersebut berapa banyak aduan yang telah diselesaikan?

**YB Speaker :** Dia, soalan lisan seperti itu agak payah Pengerusi yang berkenaan nak jawab, dia kena notis tapi tak tahulah kalau Yang Berhormat ada jawapan. Sila.

**YB Datuk Tengku Putra Haron Aminurrashid bin Tan Sri Tengku Hamid Jumat (Kempas) :** Terima kasih Tan Sri Speaker.

**YB Speaker :** Tak apa, sila.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan :** Yang Berhormat Tan Sri, terima kasih kepada sahabat saya, ADUN Kempas, saya ambil maklumlah pasal yang aduan yang tidak, belum lagi dapat dibuat tindakan. Saya boleh jawab soalan tu, pasal saya lebih kurang saya dah tengok dia punya keperluan. Untuk makluman sidang, jumlah aduan untuk tahun 2014, yang kita terima sebanyak 4,758 dan yang telah kita ambil tindakan sebanyak 4,816. Di mana hampir 97% aduan yang telah kita dapat laksanakan dan ada 58 lagi belum itu membabitkan soal teknikallah peruntukan. Dan, untuk kes-kes aduan yang saya boleh kategorikan ialah daripada Jabatan Pengurusan, Jabatan Perbendaharaan eh. Macam Jabatan Pengurusan dia ada lebih kurang 74 aduan, Jabatan Perbendaharaan, 47, Jabatan Penilaian Pengurusan Harta, 14, Jabatan Kejuruteraan, 2,199. Ini membabitkan jalan lubang dan

berbagai perkaralah. Jabatan Perancang Bangunan, 61, Jabatan Kesihatan, 926, Jabatan Landskap, 615, Jabatan Bangunan, 225, Jabatan Penguatkuasaan, 473, Jabatan Perlesenan, 104.

Jadi, kita menerima pelbagai aduan yang kita jadikan sebagai satu garis panduan untuk penyelesaian. Seperti yang saya sebutkan tadi adalah mekanisme yang kita lakukan. Sebab itulah kita tak ada masalah untuk menerima aduan-aduan, cuma yang tadi saya cuba lihat balik sama ada aduan tadi bersifat teknikal ataupun perkara-perkara yang boleh menyebabkan memerlukan tambahan peruntukan. Jadi ia memerlukan jangka masa yang agak panjang berbanding dengan aduan-aduan yang boleh kita lakukan secara segera.

**YB Speaker :** Jemput. Ini PAS eh...

**YB Dr. Haji Mohamad bin Taslim (Maharani) :** Soalan tambahan saya, e-Aduan ini saya yakin telah berjalan dengan baik dan respons diharapkan juga baik. Cuma saya ingin tahu adakah pengadu ini diberitahu tentang tindakan yang diambil ataupun apa-apa permasalahan yang diadakan itu dimaklumkan kepada pengadu. Terima kasih.

**YB Speaker :** Terima kasih. Jemput.

**YB Pengerusi Perumahan dan Kerajaan Tempatan:** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, dia ada beberapa mekanisme yang kita laksanakan dalam kaedah aduan ini. Dia bentuk secara *online*, kita gunakan e-Jawab, lepas tu dalam interaksi media sosial *Whatsapp* yang dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada 26 Jun 2014 di mana kita gunakan *twitter*, *facebook*, sekarang anak-anak muda banyak gunakan kaedah itu, gunakan *Whatsapp*. Dan, ada yang kita terus berhubung ataupun maknanya daripada *twitter* tu kita minta nombor telefon dia, kita PM dalam personal tu minta nombor telefon dan saya sendiri pun biasa menerima bersama dengan rakan-rakan EXCO yang lain, biasa menerima aduan-aduan ini melalui *twitter* dan *FB*. Jadi kita memberi maklum balas dan selain daripada kaedah-kaedah tersebut, kita pun ada 24 Ahli Majlis di setiap PBT yang akan memantau setiap kawasan-kawasan mereka dan berurusan terus dengan pihak penduduk. Ini kaedah-kaedah yang kita lakukan dan penambahbaikan memang kita, kerap kita lakukan dengan memudahkan pihak-pihak pengadu supaya memahami tanggungjawab Pihak Berkuasa Tempatan.

Selain daripada kita pun membuat gerakan supaya penduduk bersama dengan Pihak Berkuasa Tempatan untuk menjaga kemudahan-kemudahan awam selain daripada menjaga soal kebersihan secara bersama. Inilah satu kaedah saling kerjasama antara Pihak Berkuasa Tempatan dan pihak penduduk supaya apa pun yang kita bina terutamanya dalam soal menjaga, terutamanya di kawasan rekreasi yang kadang-kadang rosak disebabkan dirosakkan sendiri oleh masyarakat yang tidak bertanggungjawab. Jadi inilah yang mendatangkan masalah dari segi peruntukan-peruntukan pembangunan yang kita ingin salurkan, yang membabitkan kos yang agak tinggi, yang akhirnya terpaksa kita lakukan pada tahun yang setepas pada itulah. Itu yang menyebabkan kadang-kadang aduan-aduan itu agak lambat sedikit. Jadi bagaimanapun, saya menyambut baiklah supaya Wakil Rakyat dapat turut serta

kita menyelesaikan masalah penduduk dengan berhubung terus dengan Pihak Berkuasa Tempatan.

**YB Speaker** : Yang Berhormat Nusajaya, jemput.

**YB Dr. Haji Zaini bin Haji Abu Bakar (Nusajaya)** : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Soalan saya soalan nombor 5.

Terdapat rungutan pesakit kalangan golongan berada mendakwa katil-katil di hospital swasta tidak mencukupi lantas mereka diarah pulang walaupun belum cukup sihat. Apakah cadangan kerajaan dalam memperbanyakkan pembukaan hospital swasta.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar** : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, pihak Kerajaan Negeri Johor sentiasa menyedari akan kepentingan membangunkan kapasiti perkhidmatan kesihatan yang mampu memenuhi keperluan rakyat.

Bagi perkhidmatan kesihatan awam, usaha-usaha ke arah meningkatkan bilangan klinik kesihatan dan hospital kerajaan sentiasa dijadikan keutamaan khususnya dalam Rancangan Malaysia Yang Ke-11. Namun begitu, perkhidmatan kesihatan sektor swasta juga semakin menjadi pilihan rakyat. Dan situasi ini menarik minat pelabur untuk membina lebih banyak hospital swasta di Johor. Sebagai bukti pada hujung tahun ini, di Wilayah Iskandar Malaysia sahaja sebanyak 2 hospital swasta baru akan dibina iaitu Dato' Onn Specialist Hospital dengan kapasiti 400 katil dan UTM-KPJ Specialist Hospital dengan kapasiti 150 katil, Hospital Gleneagles Medini dengan kapasiti 300 katil pula dijangka akan beroperasi pada Oktober atau November 2015. Pada tahun hadapan pula, Thomson Medical Centre akan dibina dengan kapasiti 300 buah katil.

Bagi memastikan perkhidmatan dapat dipenuhi pada masa yang akan datang, Yang Amat Berhormat Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, Menteri Besar Johor telah mengilhamkan satu pelan pembangunan sektor penjagaan kesihatan, *Healthcare Master Plan* diwujudkan di Negeri Johor bagi membolehkan Negeri Johor dikenali sebagai hab perubatan serantau. Pelan yang komprehensif akan dibangunkan oleh UPEN Johor akan menggalakkan lebih banyak pusat-pusat penjagaan kesihatan swasta dibangunkan bagi memenuhi keperluan rakyat selaras dengan pertumbuhan populasi, perubahan gaya hidup dan taraf ekonomi. Peningkatan bilangan warga emas serta memenuhi kehendak rakyat yang menginginkan perkhidmatan kesihatan bertaraf dunia tanpa perlu berbelanja besar ke luar negara.

**YB Speaker** : Jemput Nusajaya.

**YB Dr. Haji Zaini bin Haji Abu Bakar (Nusajaya)** : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Datuk EXCO. Terima kasih di atas penerangan mengenai penambahan hospital swasta. Saya difahamkan hospital swasta ini memang perlu walaupun hospital kerajaan telah menjalankan perkhidmatan terbaik sebab apa, hospital swasta ini ada juga yang mampu, ada insurans, bayar secara insurans. Mungkin ada pesakit luar negara yang bila kos mata wangnya agak rendah dan perkhidmatan swasta yang terbaik, mungkin *medical tourism* tadi untuk

menambah *investor* ke Nusajaya. Soalan tambahan saya adalah apakah agaknya insentif-insentif atau syarat-syarat yang dipermudahkan atau kemudahan dan sebagainya supaya memudahkan lagi hospital-hospital swasta ditubuhkan terutama kadang kita perlu juga pakar-pakar luar negara yang hadir, yang memerlukan nak menarik mereka datang dan seterusnya menjadikan pusat perubatan Nusajaya ini yang terbaik di peringkat global dan sebagainya. Terima kasih.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sebenarnya melalui *Healthcare Master Plan* yang diwujudkan ini kita akan membincangkan tentang banyak perkara terutamanya yang berkaitan tentang cara bagaimana untuk kita menarik lebih banyak hospital masuk ke Negeri Johor dan juga keperluan untuk memberikan satu galakan ataupun insentif kepada mereka. Tetapi yang kita lihat bahawa segala permohonan untuk berkaitan tentang perakuan kelulusan lesen bagi hospital swasta, ianya tertakluk kepada Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998. Dan, ia kalau kita lihat dari segi akta tersebut, ianya cukup mudah untuk dipenuhi oleh mereka, lebih-lebih lagi dalam usaha untuk kerajaan menggalakkan dan juga mengajak pemain bagi hospital swasta ini melabur terutamanya dalam kawasan Iskandar.

**YB Speaker :** Jemput. Pasir Raja.

**YB Dato' Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) :** Tan Sri Speaker, soalan saya ada kaitan dengan polisi yang dibuat oleh...

**YB Speaker :** Ini semua soalan doktor-doktor tau...

**YB Dato' Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) :** ... 2 orang doktor. Dan, dengan lesen yang dimohon untuk buat hospital swasta berbanding dengan pusat perubatan yang dibina. Dia ada perbezaan. Jadi kita nak tahu di sini adakah pihak Kementerian Kesihatan dan juga Jabatan Kesihatan Negeri Johor mengklasifikasikan kerana dia akan mempengaruhi harga rawatan sama ada orang berada, orang tak berada. Kerana *emergency*. Tan Sri Speaker, kalau berlaku *emergency*, berlaku kecemasan, orang akan pergi hospital terdekat, pusat perubatan terdekat, klinik terdekat ataupun yang terdekat hospital. Jadi kita nak tahu di sini sama ada di Negeri Johor ini akan ada satu dasar bahawa pembukaan ataupun pembinaan hospital swasta kategori pusat perubatan ataupun hospital berada secara bukan *random* tetapi berada di setiap daerah, memungkinkan masyarakat mendapat perkhidmatan dan harganya mestilah diwartakan supaya kita dapat maklumat awal tentang perkara ini. Terima kasih.

**YB Speaker :** Jemput.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, hospital swasta ini macam orang berniaga. Kalau tak ada pelanggan, mana dia nak buat. Maka, kita sememangnya minta agar setiap daerah dibuat untuk dibina tetapi dia memerlukan pelaburan yang cukup tinggi. Sebenarnya bagi mereka-mereka yang mungkin memerlukan rawatan yang agak, yang dikatakan kecemasan, kita sebenarnya tak perlu pergi ke hospital swasta, Klinik 1Malaysia pun dah banyak kita

buat untuk menampung bagi emergency bagi mereka yang ada. Tetapi seperti saya katakan tadi bahawa prosedur permohonan berkaitan perakuan kelulusan dan lesen bagi hospital swasta, ianya amat mudah. Tetapi terpulang pada pemain bagi memastikan bahawa mereka dapat melabur, menubuhkan hospital swasta dan mereka mendapat pulangan. Ianya bergantung kepada pulangan. Jikalau mereka melabur tetapi rugi, saya rasa tak ada siapa yang nak melabur, menubuhkan hospital swasta.

**YB Speaker :** Terima kasih. Yang Berhormat Jorak jemput.

**YB Datuk Dr. Shahrudin bin Md. Salleh (Jorak) :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya nombor 6.

Nyatakan apakah sebab rasional kenaikan tarif air di negeri Johor yang dapat diterima oleh para pengguna.

**YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, menurut Peraturan Tetap 24 dan 25, saya mohon supaya soalan 36 dibawa oleh Skudai dan 125 dibawa oleh Bukit Batu dijawab dengan soalan nombor 6 pada hari ini tarikh yang sama. Sebab soalannya adalah sama, dijawab dengan serentak sebab kita bertanya berkenaan kenaikan taraf air. Saya memohon di bawah Peraturan 24(5)...

**YB Speaker :** Ok, yalah kalau soalan itu akan-akan sama, ada satu soalan yang dijawab oleh Yang Berhormat Speaker yang berkenaan... EXCO yang berkenaan, jadi jawapan itu bolehlah dikira memadai kepada semua soalan-soalanlah. Jemput Yang Berhormat Pengerusi.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah :** Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Yang Berhormat Jorak bertanyakan rasional berkenaan dengan kenaikan tarif air yang telah dikuatkuasakan pada 1 Ogos 2015.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, industri bekalan air telah berpindah ke rejim yang baru di mana bekalan air sekarang ini adalah di bawah kawalan dan kuasa Kerajaan Persekutuan setelah Parlimen meluluskan Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655) sebagai usaha menyeragam dan mengawal industri bekalan air negara.

Bagi kerajaan negeri, usaha ini adalah baik untuk jangka masa panjang bagi memastikan bekalan air bersih di negeri ini terjamin. Kerajaan negeri melihat SAJ sebagai operator perlu beroperasi dalam keadaan yang dipercayai dan efisien.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, SAJ Holdings berperanan sebagai "asset light company", iaitu operator air yang mengoperasikan bekalan air di negeri ini melalui instalasi bekalan air yang dipajakkan kepadanya. Malah, dengan semangat kemapanan dalam industri bekalan air perlu ada unsur-unsur pemulihan kos sepenuhnya 'full cost recovery' dengan izin, dan perlu dilihat berdaya maju dalam jangka masa yang panjang. Sejak tahun 2010, SAJ juga berdepan dengan kenaikan kos elektrik sebanyak 29%, kenaikan bahan kimia sebanyak 25%, manakala Indeks Harga Pengguna (CPI) juga meningkat 10%. Ini tidak termasuk kenaikan dalam



perbelanjaan operasional. Kerajaan negeri dalam konteks ini berpendapat kita mempunyai operator yang kita percaya mampu menguruskan bekalan air dengan jayanya di negeri ini. Namun dalam masa yang sama, kita juga harus mengambil kira kemampuan dan keperluan bekalan air yang meningkat.

Perancangan perniagaan yang dikemukakan oleh SAJ bagi tempoh 30 tahun melalui penyediaan perancangan tiga tahun '*Operating Period*' harus dilihat mampu untuk menampung keperluan infrastruktur dan operasi air di Johor. Hal ini membenarkan SAJ sebagai operator air mengemukakan pelarasan tarif untuk dikaji setiap tiga (3) tahun bagi memastikan kos pengurusan bekalan air dapat dibiayai. Kerajaan negeri juga berpendapat ia bukanlah bersifat meraih keuntungan operator kerana pihak SAJ Holdings juga dikawal selia oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) melalui KPI-KPI yang memastikan perkhidmatan air di negeri ini lebih efisien. Keuntungan mereka juga dikawal oleh suruhanjaya ini.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, dalam penetapan tarif air, kerajaan juga melihat dari sudut golongan-golongan yang kurang mampu, yang perlu dilibatkan membawa keharmonian dan kelestarian industri bekalan air ini. Dengan sebab itu, kerajaan negeri memberi rebat-rebat air percuma sebanyak 25 meter padu pada golongan yang layak dikenal pasti melalui senarai e-kasih dan sumber-sumber yang lain. Kerajaan juga berpendapat, bil air masih dalam kemampuan pengguna kerana bil air hanya membabitkan 1% daripada keseluruhan perbelanjaan isi rumah. Berbanding perbelanjaan seperti penggunaan sistem telekomunikasi, pakaian, makanan dan sebagainya. Dengan kawal selia...

**YB Speaker :** Belum termasuk rokok lagi eh.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah :** Tak masuk Yang Berhormat. Terima kasih. Dengan kawal selia dan faktor-faktor kawalan di atas, kerajaan berpendapat efisiensi operator air ini akan menyumbang kepada perkhidmatan yang lebih baik dan sudah tentu berupaya menurunkan termasuk kadar air tidak berhasil.

Soal air tidak berhasil atau *non renew water* juga merupakan isu operasional yang dilihat menghantui operator bekalan air. NRW berkait rapat dengan soal efisiensi operator dan efisiensi itu juga ada kaitannya dengan soal perkakasan atau pembangunan infrastruktur dan instalasi bekalan air yang sempurna. SAJ sudah melakukan yang terbaik dalam konteks NRW ini.

Di Johor, NRW bermula setinggi 45% pada tahun 2000. Apabila penswastaan air mula diperkenalkan, SAJ berjaya menurunkan NRWnya kepada 25.93% pada tahun 2014. Pencapaian ini adalah petanda yang positif bagi sebuah negeri yang mempunyai sepanjang atau rangkaian paip sepanjang kira-kira 21,000 kilometer berbanding Pulau Pinang yang hanya mempunyai kira-kira 5,000 kilometer sahaja.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, liputan bekalan air di Johor pada masa ini sudah mencapai 99.5% di kawasan bandar dan juga luar bandar. Penstrukturan semula bekalan air di negeri ini sebenarnya telah menghasilkan satu model industri

perkhidmatan air negara yang menjadikan industri perbekalan air sebagai satu industri yang holistik, efisien, efektif, berdaya saing dan mampan. Ia turut mewajarkan pulangan yang setimpal bagi memperbaiki perkhidmatan operator kepada pelanggan serta berdaya maju dalam jangka masa yang panjang ke arah *full cost recovery*.

Pihak kerajaan negeri percaya, operator bekalan air sedia ada, mampu menguruskan bekalan air dengan jayanya di negeri ini. Namun dalam masa yang sama, kita juga harus mengambil kira kemampuan dan keperluan bekalan air yang semakin meningkat. Kejayaan-kejayaan yang diraih oleh SAJ serta amalan *good corporate governance* juga menjadikan perkhidmatan bekalan air di negeri ini antara yang terbaik dalam negara. Namun, perancangan perniagaan yang dikemukakan oleh SAJ bagi tempoh 30 tahun dan 3 tahun mengikut *operating period* harus dilihat mampu untuk menampung keperluan infrastruktur dan operasi air di Negeri Johor. Keadaan ini membenarkan SAJ sebagai operator air untuk mengemukakan pelarasan tarif untuk dikaji setiap 3 tahun bagi memastikan elemen *full cost recovery* dapat bertahan dan pengurusan bekalan air secara keseluruhan. Sebab itu, kalau dilihat struktur tarif air di negeri ini mempunyai elemen-elemen termasuklah menggalakkan penjimatan, mengekang pembaziran dan membantu kemiskinan di negeri ini.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sudah tentu simulasi pelarasan tarif mengambil kira banyak faktor, termasuk faktor ekonomi makro serta pembiayaan kos-kos pembangunan. Kerajaan Negeri telah meminta agar beberapa elemen dalam struktur tarif tersebut dikurangkan supaya tidak membebankan orang ramai serta memastikan industri bekalan air di negeri ini membangun secara positif. Dalam masa yang sama, pendekatan kita juga harus memastikan generasi akan datang juga tidak dibebani dengan masalah bekalan air. Jadi struktur tarif baru ini mempunyai elemen untuk menggalakkan penjimatan, mengekang pembaziran.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, purata pengguna negeri ini menggunakan 25 meter padu air sebulan. Maka, bil mereka hanyalah berjumlah RM26.00 sebulan atau bersamaan dengan RM0.87 sehari untuk 833 liter air sebulan bagi semua kegunaan domestik, memasak dan sebagainya. Ini bersamaan dengan 555 botol air mineral, Yang Berhormat Tan Sri Speaker, yang bersaiz 1.5 liter. Bermakna lebih murah berbanding pembelian sebotol air mineral. Lebih murah. Lebih murah membayar segelas teh tarik. Ini tak masuk rokok tadi tu. Berbanding dengan membeli surat khabar ataupun kos meletak kereta sehari dan juga nak buat *top up mobile handphone*. Jadi, tarif ini juga membela golongan yang kurang bernasib baik sepertimana yang saya katakan tadi dengan pemberian rebat sebanyak 25 meter padu sebulan. Pelarasan ini dilihat mampu memberi pulangan untuk SAJ membayar sewa pajak kepada PAAB, untuk melaksanakan kerja-kerja CAPEX tanpa ditangguhkan dan pembangunan bekalan air dapat diteruskan demi kesejahteraan pengguna pada masa ini mahupun generasi masa hadapan. Kita sedar kemampuan ramai adalah didahulukan, namun keperluan generasi akan datang harus juga diambil kira dalam membangunkan bekalan air di negeri ini agar ianya lebih terjamin. Sekian, terima kasih.

**YB Tan Sri Speaker :** Terima kasih. Sekianlah sahaja, masa yang dapat kita gunakan bagi soalan-soalan lisan.

**YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** Dafuk Speaker, Yang Berhormat Tan Sri Speaker...

**YB Speaker :** Sekiranya ada soalan yang disenaraikan belum dijawab secara lisan, akan dijawab secara bertulis dalam persidangan yang sama. Masa kita satu jam je, tak dapat nak lebih, nak macam mana eh. Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita mengucapkan Selamat Datang kepada rombongan daripada Pergerakan Pemuda UMNO Cawangan Kluang Johor seramai 30 orang pagi ini. Selamat datang. Jemput Jurutulis.

**Jurutulis : SOALAN-SOALAN BERTULIS.**

Jawapan kepada soalan-soalan bertulis oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat akan dibentangkan di atas meja mesyuarat.

**Jurutulis : RUNDINGAN-RUNDINGAN.**

**YAB Menteri Besar :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon membawa rundingan di bawah Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Negeri Johor Bilangan 30, untuk meminda Peraturan Tetap Bilangan 119.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya juga mohon mencadangkan supaya penyata Jawatankuasa Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Negeri Johor yang dibentangkan di atas meja mesyuarat sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 18 tahun 2015, hendaklah diterima dan dipersetujui.

Jawatankuasa Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Negeri Johor, telah menyediakan Penyata Jawatankuasa Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Negeri Johor Bilangan 1 tahun 2015, yang mengandungi satu cadangan pindaan iaitu Peraturan Tetap Bilangan 119 dipinda dengan memasukkan satu perenggan baru seperti berikut :

"(8) Ucapan tangguhan tidaklah boleh dibuat dalam Mesyuarat Pertama satu-satu penggal dan dalam Mesyuarat di mana Rang-Rang Undang-Undang Perbekalan ditimbang."

Pindaan ini bertujuan untuk penambahbaikan dan penyeragaman Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Negeri Johor dengan Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat yang diguna pakai di Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon mencadangkan.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya menyokong rundingan itu.

**YB Speaker :** Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan, Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, rundingan itu dipersetujui.

**Jurutulis : PERANGGARAN TAMBAHAN PEMBANGUNAN PERTAMA TAHUN 2015.**

**YAB Menteri Besar :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Dewan ini serta merta berpindah menjadi Jawatankuasa bagi keseluruhan Dewan Negeri untuk menimbangankan peranggaran tambahan pembangunan pertama tahun 2015, yang telah dibentangkan sebagai kertas mesyuarat bilangan 14 tahun 2015, dan memperakukan sama ada peranggaran itu patut diluluskan oleh Dewan ini, dengan dipinda atau tiada dipinda.

Tambahan peruntukan pembangunan ini merupakan tambahan yang pertama bagi tahun 2015. Tambahan peruntukan pembangunan yang diperlukan adalah sebanyak RM123,530,000.00 di bawah 4 Jawatankuasa seperti berikut: Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan dan Perancangan Negeri Johor, RM22,500,000.00. Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Negeri Johor, RM500,000.00. Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Negeri Johor, RM99,496,000.00. Jawatankuasa Agama Islam Negeri Johor, RM1,034,000.00. Penjelasan lanjut bagi tambahan-tambahan tersebut akan diberikan di peringkat jawatankuasa berkenaan.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya menyokong rundingan itu.

**YB Speaker :** Rundingan itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan, Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, rundingan itu dipersetujukan.

**Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.**

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM500,000.00 bagi Maksud P.53 Kerajaan Tempatan dipersetujukan.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan :** Tan Sri Pengerusi, di bawah Maksud Pembangunan P.53, Kerajaan Tempatan perlukan sebanyak RM500,000.00 bagi menampung kerja-kerja menaik taraf Zoo Negeri dengan meluaskan kandang haiwan primat dan membina Klinik Veterinar di kawasan Zoo Negeri.

**YB Speaker :** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan, Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM22,500,000.00 bagi Maksud P.56, Pejabat Menteri Besar dipersetujukan.

**YAB Menteri Besar :** Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, bagi Maksud Pembangunan P.56 Pejabat Menteri Besar Johor diperuntukkan sebanyak RM22,500,000.00. Sebanyak RM17,000,000.00 diperlukan bagi menampung perbelanjaan pembangunan program-program baru dan projek-projek keutamaan Kerajaan Negeri tahun 2015, manakala selebihnya sebanyak RM5,500,000.00 diperlukan bagi pembayaran kerja-kerja kecil yang dilaksanakan di seluruh Negeri Johor. Antara peruntukan yang diperlukan melibatkan Program Pembangunan Usahawan EDC sebanyak RM2.3 juta. Program

Pemasaran Produk dan Barangan 1Malaysia ke kedai Runcit Tukar sebanyak RM3.2 juta. Program Pembangunan Sosial khusus bagi Kedai Harga Patut dan Industri Peruncitan kepada Koperasi Iskandar Malaysia Berhad yang akan dilancarkan IMCorp berjumlah RM2 juta. Dan peruntukan bagi kerja-kerja baik pulih dan menaik taraf Sekolah-Sekolah Jenis Kebangsaan Cina yang melibatkan peruntukan RM3 juta.

**YB Speaker :** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan, Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM1,034,000.00 bagi Maksud P.58 Jabatan Agama Islam Negeri Johor dipersetujukan.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Agama :** Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, bagi Maksud P.58 Jabatan Agama Islam Negeri Johor, diperuntukkan sebanyak RM1,034,000.00. Di mana sebanyak RM564,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran muktamad Pembinaan Kompleks Islam Fasa III manakala selebihnya RM470,000.00 pula diperlukan bagi menampung pembayaran kerja-kerja awalan konservasi Masjid Sultan Abu Bakar Johor.

**YB Pengerusi :** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan, Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM99,496,000.00 bagi Maksud P.60 Jabatan Kerja Raya Negeri Johor dipersetujukan.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah :** Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, bagi Maksud Pembangunan P.60 Jabatan Kerja Raya Negeri Johor memerlukan peruntukan tambahan berjumlah RM99,496,000.00 di mana sebanyak RM40,000.00 diperlukan bagi menampung kerja-kerja penyiasatan tapak dan kerja-kerja ukur. Sebanyak RM3,292,000.00 diperlukan bagi menampung pembayaran kerja-kerja kecil pembangunan, yang telah dilaksanakan di seluruh negeri Johor.

Sebanyak RM456,000.00 diperlukan bagi menampung pembayaran kerja-kerja menaik taraf sistem elektrik. Sebanyak RM62,000,000.00 pula diperlukan bagi menampung pembayaran kerja-kerja pembinaan membaik pulih dan menaik taraf bangunan-bangunan negeri yang dilaksanakan di seluruh negeri Johor. Sebanyak RM24,708,000.00 diperlukan bagi menampung pembayaran kerja-kerja menaik taraf bangunan dan pendawaian elektrik di Istana Bukit Serene. Sebanyak RM1,000,000.00 diperlukan bagi menampung kerja-kerja membaik pulih persekitaran dan dalam Muzium Di Raja Abu Bakar Johor. Manakala sebanyak RM8,000,000.00 diperlukan bagi menampung kerja-kerja menyiapkan kemudahan di Istana Pasir Pelangi Johor Bahru.

**YB Pengerusi :** Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan, Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

**YAB Menteri Besar :** Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, oleh sebab maksud-maksud peranggaran yang dinyatakan dalam Kertas Mesyuarat Bil. 14 Tahun 2015 itu telah pun

selesai ditimbang, maka saya membawa rundingan supaya ketetapan-ketetapan itu dimaklumkan serta merta kepada Dewan Negeri.

**YB Pengerusi :** Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan, Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

**Dewan Negeri bersidang semula.**

**YAB Menteri Besar :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa Jawatankuasa Dewan ini telah pun menimbang dan meluluskan tanpa pindaan maksud-maksud peranggaran yang dinyatakan dalam Kertas Mesyuarat Bil. 14 Tahun 2015. Dari itu, saya membawa rundingan supaya Dewan ini bersetuju dengan ketetapan-ketetapan Jawatankuasa itu, iaitu peruntukan wang berjumlah RM123,530,000.00 yang dicadangkan bagi Peranggaran Tambahan Pembangunan Pertama Tahun 2015 itu diluluskan oleh Dewan Negeri ini. Dan, dengan itu mengambil ketetapan bahawa sejumlah wang yang tidak melebihi RM123,530,000.00 hendaklah dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan dalam tahun kewangan tahun 2015 bagi menyempumakan maksud yang dinyatakan dalam kertas mesyuarat yang tersebut.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya menyokong rundingan itu.

**YB Speaker :** Rundingan itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan, Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, rundingan itu dipersetujukan.

**Jurutulis :** RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN TAMBAHAN (NO.2) TAHUN 2015.

**YAB Menteri Besar :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon membawa Rundingan supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan (No. 2) Tahun 2015 dibacakan kali yang pertama.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya menyokong rundingan itu.

**YB Speaker :** Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang pertama.

**Jurutulis :** Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada kumpulan wang disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan bagi tahun 2015 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu.

**YAB Menteri Besar :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa saya akan membawa rundingan untuk bacaan kali yang kedua bagi Rang Undang-Undang ini pada hari ini juga. Dan, saya membawa rundingan supaya Peraturan Tetap 112 (2) ditangguhkan sementara agar pertimbangan Rang Undang-Undang ini pada peringkat-peringkat yang lain dapat diselesaikan pada hari ini juga.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya menyokong rundingan itu.

**YB Speaker :** Rundingan itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan, Ahli- Ahli yang bersetuju jempuk angkat tangan, yang tidak bersetuju, Peraturan Tetap 112 (2) ditangguhkan sementara.

**YAB Menteri Besar :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang. Tambahan peruntukan ini merupakan tambahan yang kedua bagi perbelanjaan bekalan tahun 2015. Tambahan peruntukan yang diperlukan adalah sebanyak RM51,313,000.00 sebagaimana yang dimaksudkan di dalam Enakmen Perbekalan Tambahan di bawah 8 Jawatankuasa seperti berikut :-

1. Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan dan Perancangan Negeri Johor RM18,491,000.00.
2. Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri Johor RM1,256,000.00.
3. Jawatankuasa Agama Islam Negeri Johor RM18,911,000.00.
4. Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor RM2,616,000.00.
5. Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Negeri Johor RM7,716,000.00.
6. Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri Johor RM735,000.00.
7. Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri Johor RM1,435,000.00.
8. Jawatankuasa Belia, Sukah, Kebudayaan dan Warisan Negeri Johor RM150,000.00.

Penjelasan lanjut bagi tambahan-tambahan tersebut akan diberi di peringkat Jawatankuasa berkenaan.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya menyokong rundingan itu.

**YB Speaker :** Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang kedua sekarang. Ahli- Ahli yang bersetuju jempuk angkat tangan, yang tidak bersetuju, Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang kedua.

**JURUTULIS :** Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2015 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu.

**YB Speaker : Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.**

**Jurutulis : JADUAL.**

**YB Speaker :** Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM22,000.00 bagi Maksud B.01, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, RM5,058,000.00 bagi Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Bahagian Pengurusan, RM4,500,000.00 bagi Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Pelbagai Perkhidmatan, RM373,000.00 bagi Maksud B.03, Pejabat Menteri Besar Johor, RM161,000.00 bagi Maksud B.03, Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor, RM2,122,000.00, bagi Maksud B.03, Pejabat Jurutulis Dewan Negeri Johor, RM400,000.00 bagi Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, RM29,000.00 bagi Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Unit Audit Dalam, RM10,000.00 bagi Maksud B.03, Pusat Pelaburan Negeri Johor dan RM19,000.00 bagi Maksud B.03, Unit Sains Teknologi dan ICT Negeri Johor, jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

**YAB Menteri Besar :** Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.01, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Johor diperuntukkan sebanyak RM22,000.00. Sebanyak RM7,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2015, manakala selebihnya sebanyak RM15,000.00 diperlukan bagi menampung perbelanjaan harta modal Jabatan.

Di bawah Maksud Bekalan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Bahagian Pengurusan, diperuntukkan sebanyak RM5,058,000.00. Sebanyak RM1,158,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran emolumen Jabatan tahun 2015 kerana pertambahan kakitangan Jabatan. Manakala selebihnya sebanyak RM3,900,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran perhubungan dan utiliti jabatan.

Di bawah Maksud Bekalan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Pelbagai Perkhidmatan diperuntukkan sebanyak RM4,500,000.00 bagi menampung bayaran tuntutan perubatan dan lain-lain bayaran perkhidmatan ikhtisas dan perkhidmatan lain yang dibeli dan hospitaliti Jabatan tahun 2015.

Di bawah Maksud Bekalan B.03 Pejabat Menteri Besar Johor, diperuntukkan RM373,000.00 bagi menampung perbelanjaan perjalanan dan sara hidup Jabatan.

Di bawah Maksud Bekalan B.03, Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor diperuntukkan sebanyak RM161,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran emolumen yang terdiri daripada gaji kakitangan baru, pelarasan gaji dan elaun-elaun kakitangan baru.

Di bawah Maksud Bekalan B.03, Pejabat Jurutulis Dewan Negeri Johor diperuntukkan sebanyak RM2,122,000.00. Sebanyak RM932,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran, RM116,000.00 emolumen jabatan tahun 2015 yang terdiri daripada kenaikan elaun-elaun, manakala selebihnya sebanyak RM1,190,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran di bawah perkhidmatan dan bekalan jabatan termasuk tuntutan perjalanan dan sara hidup ADUN-ADUN dan kakitangan, bekalan pejabat dan bayaran-bayaran lain.



Di bawah Maksud Bekalan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia diperuntukkan sebanyak RM400,000.00. Sebanyak RM38,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2015 manakala selebihnya sebanyak RM362,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran biasiswa, dermasiswa dan bantuan pelajaran untuk Program Pengajian Pegawai Tadbir Tahun 2015.

Di bawah Maksud Bekalan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Unit Audit Dalam, diperuntukkan sebanyak RM29,000.00. Sebanyak RM20,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran perjalanan dan sara hidup anggota-anggota jabatan manakala selebihnya sebanyak RM9,000.00 diperlukan bagi menampung perbelanjaan bekalan bahan mentah dan bahan-bahan untuk penyelenggaraan dan pembaikan jabatan.

Di bawah Maksud Bekalan B.03, Pusat Pelaburan Negeri Johor, diperuntukkan sebanyak RM10,000.00 Bantuan Khas Kewangan Tahun 2015.

Di bawah Maksud Bekalan B.03, Unit Sains Teknologi dan ICT Negeri Johor, diperuntukkan sebanyak RM19,000.00 bagi menampung bayaran gantian cuti rehat kepada anggota jabatan yang telah meninggal dunia.

**YB Pengerusi :** Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan, Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM1,592,000.00 bagi Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor Bahagian Kerajaan Tempatan, RM98,000.00 bagi Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Bahagian Perumahan dan RM135,000.00 bagi Maksud B.03, Jabatan Landskap Negeri Johor jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

**YAB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan :** Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor Bahagian Kerajaan Tempatan diperuntukkan sebanyak RM1,592,000.00. Sebanyak RM31,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran bonus kepada kakitangan yang bersara pada tahun 2014 dan Bantuan Khas Kewangan Tahun 2015. Sebanyak RM26,000.00 lagi perbelanjaan perkhidmatan iktifas dan perkhidmatan lain yang diberi dan hospitaliti. Manakala selebihnya sebanyak RM1,535,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran caruman bantu kadar atas harta-harta kerajaan negeri Johor kepada Pihak Berkuasa Tempatan.

Di bawah Maksud Bekalan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Bahagian Perumahan diperuntukkan sebanyak RM98,000.00. Sebanyak RM69,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran bonus kepada kakitangan yang bersara pada tahun 2014 dan Bantuan Khas Kewangan Tahun 2015. Manakala selebihnya sebanyak RM29,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran gantian cuti rehat kepada anggota yang bersara secara pilihan dan yang telah meninggal dunia.

Di bawah Maksud Bekalan B.03, Jabatan Landskap Negeri Johor diperuntukkan sebanyak RM135,000.00. Sebanyak RM41,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran emolumen Jabatan tahun 2015 berikutan kenaikan gred jawatan, pengisian jawatan dan perubahan waktu bekerja. Manakala selebihnya sebanyak RM94,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran di bawah perkhidmatan dan bekalan Jabatan termasuk utiliti, petrol dan kos penyelenggaraan.

**YB Pengerusi :** Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan, Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM150,000.00 bagi Maksud B.03, Rakan Muda dan Sukan jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan dan Warisan :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, di bawah Maksud Bekalan B.03, Rakan Muda dan Sukan diperuntukkan sebanyak RM150,000.00 bagi menampung bayaran di bawah pemberian dalam negeri untuk pertambahan program sukan. Terima kasih.

**YB Pengerusi :** Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan, Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM632,000.00 bagi Maksud B.03 Hal Ehwal Wanita dan Keluarga jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat :** Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.03, Hal Ehwal Wanita dan Keluarga diperuntukkan sebanyak RM632,000.00 bagi menampung bayaran di bawah pemberian dalam negeri untuk program-program tambahan Pembangunan Wanita dan Keluarga serta kenaikan elaun separa pegawai penggerak Program Sakinah.

**YB Pengerusi :** Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan, Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM357,000.00 bagi Maksud B.07, Jabatan Pertanian jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani :** Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.07, Jabatan Pertanian Negeri Johor, diperuntukkan sebanyak RM357,000.00 bagi menampung bayaran caruman KWSP dan PERKESO serta Bantuan Khas Kewangan 2015.

**YB Pengerusi :** Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan, Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM1,435,000.00 bagi Maksud B.08, Jabatan Pengairan dan Saliran jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar :** Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.08, Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Johor, diperuntukkan sebanyak RM1,435,000.00. Sebanyak RM741,000.00 bagi menampung bayaran emolumen berikutan kenaikan gred jawatan kakitangan Jabatan manakala selebihnya sebanyak RM694,000.00 diperlukan bagi menampung perbelanjaan penyelenggaraan dan pembaikan yang diberi jabatan.

**YB Pengerusi :** Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM378,000.00 bagi Maksud Bekalan B.10, Jabatan Veterinar jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Peranian dan Industri Asas Tani :** Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.10, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Johor, diperuntukkan sebanyak RM378,000.00. Sebanyak RM160,000.00 bagi menampung bayaran emolumen berkaitan kenaikan gred jawatan kakitangan Jabatan dan Bantuan Khas Kewangan 2015. Manakala selebihnya sebanyak RM218,000.00 diperlukan bagi menampung perbelanjaan di bawah perkhidmatan dan bekalan Jabatan.

**YB Pengerusi :** Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM765,000.00 bagi Maksud B.12, Kebun Bunga DiRaja Johor dan RM26,000.00 bagi Maksud B.13, Jabatan Perancang Bandar dan Desa jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan :** Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.12, Kebun Bunga DiRaja Johor diperuntukkan sebanyak RM765,000.00. Sebanyak RM420,000.00 bagi menampung bayaran emolumen berikutan lantikan kakitangan baru dan kenaikan gred jawatan kakitangan Jabatan bagi tahun 2015. Sebanyak RM340,000.00 diperlukan bagi menampung perbelanjaan di bawah perkhidmatan dan bekalan jabatan manakala selebihnya sebanyak RM5,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran gantian cuti rehat kepada anggota jabatan yang bersara.

Di bawah Maksud Bekalan B.13, Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Johor diperuntukkan sebanyak RM26,000.00 bagi menampung bayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2015.

**YB Pengerusi :** Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan, Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM18,641,000.00 bagi Maksud B.21, Jabatan Agama jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Agama :** Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.21, Jabatan Agama Islam Negeri Johor diperuntukkan sebanyak RM18,641,000.00 di mana sebanyak RM16,702,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran emolumen berikutan kenaikan pangkat, lantikan baru dan kakitangan yang diserap ke jawatan tetap bagi tahun 2015 serta bayaran Bantuan Khas Kewangan bagi tahun 2015. Sebanyak RM1,905,000.00 pula diperlukan bagi menampung perbelanjaan bagi pemberian dalam negeri. Manakala selebihnya sebanyak RM34,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran gantian cuti rehat kepada anggota-anggota Jabatan yang telah bersara.

**YB Pengerusi :** Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan, Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM624,000.00 bagi Maksud B.23, Kebajikan Masyarakat jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat :** Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.23, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor diperuntukkan sebanyak RM624,000.00. Sebanyak RM272,000.00 diperlukan bagi menampung perbelanjaan di bawah perkhidmatan dan bekalan Jabatan termasuk penyelenggaraan dan baik pulih bangunan Pusat Dalam Komuniti (PDK) sedia ada. Sebanyak RM150,000.00 pula diperlukan bagi menampung pembelian harta-harta modal untuk kelengkapan Pusat Dalam Komuniti yang baru dibina pada tahun 2015. Manakala selebihnya sebanyak RM202,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2015.

**YB Pengerusi :** Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan, Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM7,719,000.00 bagi Maksud B.24, Jabatan Kerja Raya jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah :** Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.24, Jabatan Kerja Raya Negeri Johor diperuntukkan sebanyak RM7,719,000.00. Sebanyak RM1,065,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran emolumen dan Bantuan Khas Kewangan Tahun 2015. Sebanyak RM5,785,000.00 diperlukan bagi menampung perbelanjaan di bawah perkhidmatan dan bekalan Jabatan. Sebanyak RM709,000.00 pula diperlukan bagi menampung pembelian harta-harta modal Jabatan. Manakala selebihnya sebanyak

RM160,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran gantikan cuti rehat kepada anggota-anggota Jabatan yang bersara pilihan dan yang telah meninggal dunia.

**YB Pengerusi :** Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan, Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM1,933,000.00 bagi Maksud B.26, Muzium DiRaja Abu Bakar Istana Besar Johor jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

**YAB Menteri Besar :** Yang Berhormat Tuan Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.26, Muzium DiRaja Abu Bakar diperuntukkan sebanyak RM1,933,000.00. Sebanyak RM86,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran emolumen jabatan tahun 2015 termasuk pelarasan gaji kakitangan jabatan dan Bantuan Khas Kewangan Tahun 2015. Manakala selebihnya sebanyak RM1,847,000.00 diperlukan bagi menampung perbelanjaan di bawah perkhidmatan dan bekalan Jabatan.

**YB Pengerusi :** Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan, Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM71,000.00 bagi Maksud B.29; Mahkamah Syariah dan RM199,000.00 bagi Maksud B.32; Jabatan Mufti jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Agama :** Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.29, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor diperuntukkan sebanyak RM71,000.00 bagi menampung bayaran caruman KWSP bagi kakitangan yang baru bertukar dan Bantuan Khas Kewangan bagi tahun 2015 dan di bawah Maksud Bekalan B.32 Jabatan Mufti Negeri Johor diperuntukkan sebanyak RM199,000.00 di mana sebanyak RM69,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran emolumen kepada kakitangan yang baru dilantik dan juga bantuan khas kewangan tahun 2015 manakala selebihnya sebanyak RM130,000.00 diperlukan bagi menampung pembelian kenderaan rasmi Jabatan Mufti Negeri Johor yang baru diluluskan kelayakannya.

**YB Pengerusi :** Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan, Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju perkara itu dipersetujukan.

Perkara dihadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM22,000.00 bagi Maksud B.42 Pejabat Daerah Muar RM652,000.00 bagi Maksud B.43 Pejabat Daerah Batu Pahat, RM226,000.00 bagi Maksud B.44 Pejabat Daerah Pontian, RM76,000.00 bagi Maksud B.45 Pejabat Daerah Segamat, RM36,000.00 bagi Maksud B.46 Pejabat Daerah Kluang, RM55,000.00 bagi Maksud B.47 Pejabat Daerah Kota Tinggi, RM306,000.00 bagi Maksud B.48 Pejabat Daerah Mersing, jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

**YAB Menteri Besar:** Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.42 Pejabat Daerah Muar, diperuntukkan sebanyak RM22,000.00 bagi menampung

bayaran bantuan khas kewangan tahun 2015. Di bawah Maksud Bekalan B.43 Pejabat Daerah Batu Pahat diperuntukkan sebanyak RM652,000.00. Sebanyak RM402,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran emolumen termasuk pertambahan pembayaran elaun-elaun kakitangan jabatan manakala selebihnya sebanyak RM250,000.00 diperlukan bagi menampung perbelanjaan penyelenggaraan dan pembaikan jabatan. Di bawah Maksud Bekalan B.44 Pejabat Daerah Pontian diperuntukkan sebanyak RM226,000.00. Sebanyak RM131,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran emolumen berikutan kenaikan gred jawatan kakitangan jabatan serta bantuan khas kewangan tahun 2015. Manakala selebihnya sebanyak RM95,000.00 diperlukan bagi menampung perbelanjaan perkhidmatan dan Bekalan jabatan.

Di bawah Maksud Bekalan B.45 Pejabat Daerah Segamat, diperuntukkan sebanyak RM76,000.00. Sebanyak RM45,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran caruman KWSP bagi kakitangan yang baru dilantik serta bantuan khas kewangan tahun 2015. Manakala selebihnya sebanyak RM31,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran perhubungan dan utiliti jabatan. Di bawah Maksud Bekalan B.46 Pejabat Daerah Kluang diperuntukkan sebanyak RM36,000.00 bagi menampung bayaran bantuan khas kewangan tahun 2015. Di bawah Maksud Bekalan B.47 Pejabat Daerah Kota Tinggi diperuntukkan sebanyak RM55,000.00. Sebanyak RM32,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran imbuhan tahunan dan bayaran khas prestasi tahun 2014 serta bantuan khas kewangan tahun 2015. Manakala selebihnya sebanyak RM23,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran gantian cuti rehat kepada anggota jabatan yang telah meninggal dunia.

Di bawah Maksud Bekalan B.48 Pejabat Daerah Mersing, diperuntukkan sebanyak RM306,000.00. Sebanyak RM25,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran bantuan khas kewangan tahun 2015. Sebanyak RM269,000.00 diperlukan bagi menampung perbelanjaan di bawah perkhidmatan dan Bekalan jabatan manakala selebihnya sebanyak RM12,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran gantian cuti rehat kepada anggota jabatan yang bersara pada tahun 2015.

**YB Pengerusi :** Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan, Ahli-Ahli yang bersetuju jempit angkat tangan, yang tidak bersetuju perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM210,000.00 bagi Maksud B.51 Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Johor, RM152,000.00 bagi Maksud B.52 Pejabat Tanah Johor Bahru, RM59,000.00 bagi Maksud B.53 Pejabat Tanah Muar, RM58,000.00 bagi Maksud B.54 Pejabat Tanah Batu Pahat, RM222,000.00 bagi Maksud B.55 Pejabat Tanah Pontian, RM250,000.00 bagi Maksud B.56 Pejabat Tanah Segamat, RM208,000.00 bagi Maksud B.57 Pejabat Tanah Kluang, RM818,000.00 bagi Maksud B.58 Pejabat Tanah Kota Tinggi, RM209,000.00 bagi Maksud B.59 Pejabat Tanah Mersing, RM262,000.00 bagi Maksud B.60 Pejabat Tanah Kulaijaya dan RM43,000.00 bagi Maksud B.61 Pejabat Tanah Ledang, jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

**YAB Menteri Besar:** Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.51 Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Johor diperuntukkan sebanyak RM210,000.00.

Sebanyak RM160,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran bantuan khas kewangan tahun 2015 manakala selebihnya sebanyak RM50,000.00 diperlukan bagi menampung perbelanjaan perjalanan dan sara hidup jabatan.

Di bawah Maksud Bekalan B.52 Pejabat Tanah Johor Bahru, diperuntukkan sebanyak RM152,000.00 di mana RM117,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran caruman KWSP dan PERKESO kepada kakitangan kontrak, imbuhan tahunan dan bayaran khas prestasi tahun 2014 serta bantuan khas kewangan tahun 2015. Sebanyak RM32,000.00 diperlukan bagi menampung perbelanjaan di bawah perkhidmatan dan bekalan jabatan manakala selebihnya RM3,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran ganjaran kepada anggota-anggota kontrak jabatan.

Di bawah Maksud Bekalan B.53 Pejabat Tanah Muar, diperuntukkan sebanyak RM59,000.00 bagi menampung bayaran emolumen kepada kakitangan yang baru dilantik, imbuhan tahunan, bayaran khas prestasi tahun 2014 serta bantuan khas kewangan tahun 2015.

Di bawah Maksud Bekalan B.54 Pejabat Tanah Batu Pahat, diperuntukkan sebanyak RM58,000.00 bagi menampung bayaran bantuan khas kewangan tahun 2015. Di bawah Maksud Bekalan B.55 Pejabat Tanah Pontian diperuntukkan sebanyak RM222,000.00. Di mana, RM105,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran emolumen dan bantuan khas kewangan tahun 2015. Di bawah Maksud Bekalan B.56 Pejabat Tanah Segamat, diperuntukkan sebanyak RM250,000.00. RM101,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran emolumen kepada kakitangan yang baru dilantik dan bantuan khas kewangan tahun 2015. Manakala RM149,000.00 diperlukan bagi menampung perbelanjaan di bawah perkhidmatan dan Bekalan jabatan. Di bawah Maksud Bekalan B.57 Pejabat Tanah Kluang diperuntukkan sebanyak RM208,000.00. RM55,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran emolumen dan bantuan khas kewangan tahun 2015 manakala RM153,000.00 bagi menampung perbelanjaan di bawah perkhidmatan dan Bekalan jabatan.

Di bawah Maksud Bekalan B.58 Pejabat Tanah Kota Tinggi, diperuntukkan sebanyak RM818,000.00. Sebanyak RM769,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran emolumen, imbuhan tahunan dan bayaran khas prestasi tahun 2014 serta bantuan khas kewangan tahun 2015 manakala sebanyak RM49,000.00 diperlukan bagi menampung perbelanjaan di bawah perkhidmatan dan Bekalan jabatan. Di bawah Maksud Bekalan B.59 Pejabat Tanah Mersing diperuntukkan sebanyak RM209,000.00. RM118,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran emolumen pada kakitangan yang baru dilantik dan pertukaran kakitangan jabatan. Sebanyak RM63,000.00 diperlukan bagi menampung perbelanjaan di bawah perkhidmatan dan Bekalan jabatan manakala selebihnya RM28,000.00 bagi menampung perbelanjaan pembaikan bangunan.

Di bawah Maksud Bekalan B.60 Pejabat Tanah Kulai, diperuntukkan sebanyak RM262,000.00. Di mana RM172,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran emolumen dan bantuan khas kewangan tahun 2015. Dan RM90,000.00 bagi menampung perbelanjaan di bawah perkhidmatan dan Bekalan jabatan. Di bawah Maksud B.61 Pejabat Tanah Ledang diperuntukkan sebanyak RM43,000.00 bagi

menampung bayaran imbuhan tahunan dan bayaran khas prestasi tahun 2014 serta bantuan khas kewangan tahun 2015.

**YB Pengerusi** : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan, Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju perkara itu dipersetujukan.

Jadual jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

**Jurutulis : FASAL 2.**

**YB Pengerusi** : Perkara daripada Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal 2 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju Fasal 2 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

**Jurutulis : FASAL YANG PERTAMA.**

**YB Pengerusi** : Perkara daripada Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal Yang Pertama jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju Fasal Yang Pertama jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

**Dewan Negeri bersidang semula.**

**YAB Menteri Besar**: Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon maklumkan bahawa Rang Undang-Undang ini telah pun ditimbang dalam Jawatankuasa satu persatunya dan dipersetujukan tanpa pindaan. Keseluruhan tambahan peruntukan yang dibawa untuk sidang Dewan Negeri hari ini adalah berjumlah RM181,112,000.00. Ia merupakan pertambahan 14.67% daripada anggaran perbelanjaan yang dinyatakan dalam Bajet Negeri Johor 2015. Jumlah tambahan peruntukan selepas dua Persidangan Dewan pada tahun ini adalah RM213,035,000.00 iaitu varian 17.24% daripada anggaran perbelanjaan Bajet Negeri Johor 2015. Varian ini masih dalam julat yang terkawal.

Kutipan hasil setakat 31 Ogos 2015 telah melebihi 90% daripada anggaran kutipan untuk tahun 2015. (Dewan bertepuk). Kutipan hasil Negeri Johor untuk tahun ini insya-Allah dijangka akan melebihi anggaran Bajet dan mampu menampung pertambahan peruntukan yang dicadangkan. (Dewan bertepuk). Maka saya membawa Rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya menyokong rundingan itu.

**YB Speaker** : Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan (2015) (No. 2) Tahun 2015 dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.



Rundingan itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan, Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang ketiga dan diluluskan.

**Jurutulis :** Bahawa dengan ini adalah diperbuat undang-undang oleh Dewan Negeri Johor seperti berikut:- Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan (2015) (No. 2) Tahun 2015.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Dewan ini ditangguhkan.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya menyokong rundingan itu.

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker...

**YB Speaker :** Apa?

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) :** Mengkibol ingin membawa satu rundingan ke mesyuarat ini di bawah peruntukan Peraturan 32(B) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Negeri Johor.

**YB Speaker :** Dia tidak dalam agenda Yang Berhormat Mengkibol.

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) :** Jadi, Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya ingin membawa rundingan ini dengan seperti yang diperuntukkan di bawah peraturan tetap.

**YB Speaker :** Dia tidak ada hubung kait dengan apa yang kita bahaskan dalam dewan undangan negeri hari ini, jadi...

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) :** Itu sebab dibawa...

**YB Speaker :** Yang Berhormat, setiap persidangan kita adakan kita ada agenda, agenda kita dah tetap semua sekali. Jadi pada hari ini itulah yang telah kita capai bersama dan semangat sehati sejiwa jadi usul telah pun dikemukakan oleh Yang Berhormat untuk menangguhkan Persidangan ini dan mendapat sokongan jadi...

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Mengkibol mohon untuk bacakan peraturan tetap tersebut supaya kita fengok sama ada adakah Mengkibol berhak untuk membawa rundingan Mengkibol. Boleh?

**YB Speaker :** Rundingan pasal apa Yang Berhormat, yang tak ada kaitan dengan mesyuarat dan agenda kita hari ini.

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) :** Sekarang ini, ada...

**YB Speaker :** Yang Berhormat, kita tak boleh bermesyuarat dengan agenda yang kita bawa sendiri. Dewan Negeri ini ada peraturan sesuatu mendatangkan...

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkilobol) :** Tapi peraturan yang...

**YB Speaker :** Nanti Yang Berhormat, Mengkilobol, sesuatu yang kadang-kadang nak kena hantar kepada Jurutulis...ada yang berkenaan, tempoh yang berkenaan baru dikemukakan dan ini semua mengikut undang-undang dan peraturan yang ada dalam peraturan kita dan juga dalam peraturan Negeri Johor Tahun 1885, Peraturan Dewan Negeri. Yang kita tidak boleh nak pinda-pinda atau pun memandai-mandai tambah-tambah perkara yang lain.

Jadi, Yang Berhormat sila duduk dan saya dengan ini Persidangan ini saya tangguhkan.

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkilobol) :** Tan Sri Speaker, sepatutnya Tan Sri Speaker dengar dulu apa rundingan saya. Sebelum Tan Sri Speaker kata ini tidak berkaitan.

**YB Speaker :** Yang Berhormat, Yang Berhormat kita ada peraturan. Kalau semua orang bangun nak perkara ... undang-undang sendiri, saya tak dapat nak kita terima, dan akhirnya kita tak sampai ke mana-mana. Dewan ini telah pun bermesyuarat dengan sempurna daripada pagi tadi pukul 9:30 sampailah ke saat ini dengan begitu baik. Jadi, saya rasa kalau Yang Berhormat ada apa-apa perkara hendaklah dibangkitkan boleh dikemukakan dalam mesyuarat yang akan datang dengan perkara-perkara yang tertentu mengikut peraturan yang ditetapkan dalam Peraturan-Peraturan kita dan juga dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Johor 1885. Kita tidak boleh lari daripada itu, mesyuarat ini ada terima peraturan dan peraturan itu wajib kita patuhi sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri Johor di bawah kerajaan negeri Johor yang berdaulat ini, kita tidak boleh nak meminda-minda, memandai-mandai sesuka hati ikut keputusan kita sendiri.

Yang Berhormat, saya tangguhkan Persidangan ini kepada satu masa yang akan ditentukan kelak. Terima kasih.

Persidangan ditangguhkan pada jam 11:45 pagi.

**PEGAWAI-PEGAWAI BERTUGAS:**

**Jurutulis**

Cik Shubannah binti Yusuf

**Penolong Jurutulis**

Tuan Haji Mohd. Nazid bin Jasiman

**Koordinator**

Puan Asiah binti Moklis

**Setiausaha Pejabat**

Puan Norliza binti Md. Aris

**Pembantu Penerbitan**

Puan Malina binti Mohd. Nasir  
Puan Noraisah binti Mohd. Yusof  
Encik Ariff bin Abu Bakar

**Pembantu Operasi (Benlara)**

Encik Razine bin Sulaiman  
Encik Hamdan bin Markom  
Encik Mohd. Hassan bin Jamian  
Encik Norhayadi bin Hussien  
Encik Muhamad Khirunizam bin Pahmi  
Mohd. Norazri bin Kasim  
Encik Mohd. Sapri bin Manan

**Setiausaha Pejabat (Pelapor Dewan)**

Puan Zalinah binti Ali  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor

Puan Saniah binti Kassim  
Pejabat Tanah dan Galian Negeri Johor

Puan Azlin binti Bahrin  
Pejabat Jabatan Kerja Raya Negeri Johor

Puan Junaidah binti Paing  
Pejabat Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Johor

Puan Noor Dalilah binti Dahalan  
Pejabat Jabatan Landskap Negeri Johor

Puan Raihanah binti Ismail  
Pejabat Jurutulis Dewan Negeri Johor

**Rakaman**

Encik Abdul Rahman bin Elias  
Jabatan Penerangan Negeri Johor

Encik Nor Risam bin Esa  
Jabatan Penerangan Negeri Johor

**Juruaudio Video**

Encik Norazhan bin Mohd Salleh

**Juruteknik**

Encik Hazrilzullah bin Ali

UNIT DRYAN  
PELABAT JURUTEKNIK  
DRYAN NEGERI JOHOR  
10 SEPTEMBER 2015